


JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

PERLIS

TAHUN 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI PERLIS
TAHUN 2018**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 - 5
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 5
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 15
Akaun Amanah Disatukan	2 - 15
Penyata Akaun Memorandum	2 - 27
Akaun Belum Terima	2 - 31
Rumusan Audit	2 - 32
Syor Audit	2 - 33

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 5
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 9
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 9
Bidang Utama Audit	3 - 20
Rumusan Audit	3 - 29
Syor Audit	3 - 30

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	4 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	4 - 3

PENUTUP	5 - 3
----------------	-------

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 - 3
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	6 - 7
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	6 - 8
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 - 9
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	6 - 10
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	6 - 11
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	6 - 12

AKRONIM	7 - 3
----------------	-------

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenalkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pula akan memperkenalkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Perlis Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
 - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2018 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Oktober 2019



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis tahun 2018 mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya pada akhir tahun 2018, di samping dapat membantu kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

**BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**BAHAGIAN II
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah kurang stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM22.20 juta, iaitu menurun sejumlah RM13.78 juta berbanding RM35.98 juta pada akhir tahun 2017.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan defisit semasa berjumlah RM15.41 juta. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM19.42 juta atau 17.9% menjadi RM128.08 juta berbanding RM108.66 juta pada tahun 2017.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2018 adalah

sangat baik, iaitu sejumlah RM42.56 juta atau 96.6% telah dibelanjakan berbanding RM44.05 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 374 jumlah projek yang dirancang, 355 projek atau 94.9% telah disiapkan sepenuhnya, 7 projek atau 1.9% sedang dilaksanakan dan 12 projek atau 3.2% masih belum dimulakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM0.42 juta atau 0.4% daripada RM110.14 juta pada tahun 2017 kepada RM109.72 juta pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM5.73 juta atau 6.9% daripada RM83.04 juta pada tahun 2017 kepada RM88.77 juta pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM10.99 juta atau 2.8% menjadi RM403.32 juta berbanding RM392.33 juta pada tahun 2017. Tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri meningkat sejumlah RM14.4 juta atau 6.3% menjadi RM244.28 juta berbanding RM229.88 juta pada tahun 2017.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Kesemua lapan (8) agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit.
- Lapan (8) penyata kewangan tahun 2018 iaitu enam (6) penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI.
- Tiga (3) penyata kewangan BBN iaitu Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis, Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis serta satu (1) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit dan disahkan. Kesemua penyata kewangan terlibat telah diberikan Pendapat Audit Tanpa Teguran. Manakala tiga (3) penyata kewangan BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Yayasan Islam Perlis (YIPs) dan Majlis Sukan Negeri Perlis

(MSNPs) serta satu (1) PBT iaitu Majlis Perbandaran Kangar (MPK) bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah disahkan dengan Pendapat Audit Berteguran.

- Prestasi kewangan agensi negeri pada tahun 2018 adalah baik manakala prestasi kewangan PBT adalah kurang memuaskan.
 - Empat (4) agensi negeri dan satu (1) MAI mencatatkan lebih dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018 yang keseluruhannya berjumlah RM219.29 juta.
 - MAIPs mencatatkan lebih tertinggi berjumlah RM211.12 juta manakala PKENPs berjumlah RM9.98 juta dan MSNPs berjumlah RM0.25 juta.
 - MAIPs mencatatkan Aset Semasa Bersih yang tertinggi iaitu berjumlah RM536.77 juta, diikuti dengan YIPs berjumlah RM10.72 juta dan Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis berjumlah RM7.11 juta.
 - Tiga (3) anak syarikat yang aktif di bawah PKENPs telah mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM31.48 juta manakala tujuh (7) anak syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM37.07 juta. Dua (2) anak syarikat MAIPs yang aktif pula masing-masing telah mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM0.25 juta dan kerugian terkumpul sejumlah RM5 juta.
 - MPK mencatatkan defisit dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018 berjumlah RM1.16 juta manakala Aset Bersih Semasa berjumlah RM10.48 juta. Tunggakan Cukai Taksiran adalah berjumlah RM18.28 juta.



BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

01.01.2018 - 31.12.2018 tahun kewangan kerajaan negeri	31 Julai 2019 tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	15 Januari 2019 tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis disediakan oleh Bendahari Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **15 Januari 2019**. Penyata ini melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu

dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2018. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Manakala Aliran Tunai Keluar adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala Liabiliti terdiri daripada Hutang Awam iaitu pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Perlis dan jabatan negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Exit Conference* bersama YB Pegawai Kewangan Negeri serta ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri telah diadakan pada 26 April 2019.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Akta Audit dan piawaian perakaunan menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan dan salah nyata yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang disertakan bersama dengan Penyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2018 - RM128.08 juta 2017 - RM108.66 juta	2018 – (RM453.62 juta) 2017 – (RM438.21 juta)	2018 – RM109.72 juta 2017 – RM110.14 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2018 - RM186.05 juta 2017 - RM175.63 juta	2018 - RM0 2017 - RM0	2018 – RM0 2017 – RM0
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2018 - RM475.82 juta 2017 - RM474.19 juta	2018 – RM403.32 juta 2017 – RM392.33 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2018, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata kewangan kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kekurangan keseluruhan hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam

Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2018, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit berjumlah RM57.97 juta, peningkatan sejumlah RM9 juta atau 13.4%, berbanding defisit RM66.97 juta pada tahun 2017. Hasil kerajaan negeri berjumlah RM128.08 juta manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM186.05 juta. Hasil kerajaan negeri meningkat sejumlah RM19.42 juta atau 17.9%, berbanding RM108.66 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan mengurus pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.6 juta atau 2.6% menjadi RM143.49 juta, berbanding RM139.89 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan pembangunan pula meningkat sejumlah RM6.82 juta atau 19.1% menjadi RM42.56 juta, berbanding RM35.74 juta pada tahun 2017.

**Hasil kerajaan negeri
RM128.08 juta
berbanding
perbelanjaan
RM186.05 juta**

**Defisit
Tahun 2018**



RM57.97 juta

3.3. Kerajaan negeri menampung defisit tersebut menerusi terimaan Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM23.31 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM14.63 juta dan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM11.38 juta. Defisit turut ditampung oleh terimaan Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM1.34 juta, selain perubahan dalam wang tunai, pelaburan dan Kumpulan Wang Amanah yang keseluruhannya berjumlah RM7.31 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	128.08	108.66	19.42	17.9
Perbelanjaan Mengurus	143.49	139.89	3.6	2.6
Perbelanjaan Pembangunan	42.56	35.74	6.82	19.1
DEFISIT	-57.97	-66.97	9.00	-13.4
Kurangan dibiayai oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	50.66	26.33	24.33	92.4
Perubahan Tunai dan Amanah	7.31	40.64	-33.33	-82.0
JUMLAH	57.97	66.97	-9.00	-13.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2018, Kumpulan Wang Disatukan mencatat penurunan berjumlah RM13.78 juta atau 38.3% menjadi RM22.20 juta berbanding RM35.98 juta pada tahun 2017. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-453.62	-438.21	-15.41	3.5
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	475.82	474.19	1.63	0.3
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
	Kumpulan Wang Pembangunan	11.63	3.53	8.10	229.5
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.0
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	364.64	385.32	-20.68	-5.4
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	36.07	42.68	-6.61	-15.5
	iii) Akaun Wang Deposit	63.48	42.66	20.82	48.8
	JUMLAH	22.20	35.98	-13.78	-38.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017


4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima (5) tahun menunjukkan penurunan bagi tahun 2015 dan 2018 dan meningkat bagi tahun 2016 dan 2017. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2014 dan yang terendah adalah pada tahun 2015. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-307.26	-384.56	-406.98	-438.21	-453.62
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	350.12	401.23	426.57	474.19	475.82
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:					
	Kumpulan Wang Pembangunan	14.05	23.92	12.94	3.53	11.63
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.10	0.10	0.00	0.00	0.00
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	243.64	277.96	320.12	385.32	364.64
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	53.47	62.47	51.43	42.68	36.07
	iii) Akaun Wang Deposit	38.86	36.78	42.08	42.66	63.48
	JUMLAH	42.86	16.67	19.59	35.98	22.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

**CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM13.78 juta atau 38.3% menjadi RM22.20 juta pada tahun 2018 berbanding RM35.98 juta pada tahun 2017. Baki Wang Tunai Dalam Bank pula menurun RM13.78 juta atau 38.3%. Tiada perubahan bagi baki Wang Tunai Dalam Tangan. Secara keseluruhannya, penurunan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2018 adalah disebabkan penurunan Wang Tunai Dalam Bank kerana peningkatan

pembayaran perbelanjaan mengurus berbanding tahun 2017. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENURUNAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	22.16	35.94	-13.78	-38.3
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.04	0.04	0.00	-
Jumlah		22.20	35.98	-13.78	-38.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2018, Akaun Hasil Disatukan kerajaan negeri mencatatkan defisit semasa berjumlah RM15.41 juta, penurunan sejumlah RM15.82 juta atau 50.7% berbanding defisit RM31.23 juta yang dicatatkan pada tahun 2017. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM143.49 juta melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM128.08 juta. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2018 meningkat sejumlah RM15.41 juta atau 3.5% menjadi RM453.62 juta berbanding RM438.21 juta pada tahun 2017.

6.1. Hasil

Kutipan hasil kerajaan negeri

RM128.08 juta

Anggaran hasil kerajaan negeri

RM103.04 juta

6.1.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga (3) kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2018, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri berjumlah RM128.08 juta atau 124.3% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM103.04 juta. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2018 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA
TAHUN 2018 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	19.30	18.63	-0.67	96.5
2.	Hasil Bukan Cukai	23.58	18.55	-5.03	78.7

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
				(RM Juta)	(%)
3.	Terimaan Bukan Hasil	60.16	90.90	30.74	151.1
JUMLAH		103.04	128.08	25.04	124.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018


6.1.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM128.08 juta, meningkat sejumlah RM19.42 juta atau 17.9% berbanding RM108.66 juta pada tahun 2017. Kutipan hasil pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

JADUAL 6
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	18.63	18.82	-0.19	-1.0
2.	Hasil Bukan Cukai	18.55	21.77	-3.22	-14.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	90.90	68.07	22.83	33.5
JUMLAH		128.08	108.66	19.42	17.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 DAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.1.3. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tahun 2018 terdiri daripada Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan, Cukai Tanah Semasa, Premium Tanah, Permit Batu Kapur dan Premium Tukar Syarat Tanah. Kesemua hasil ini menyumbang RM103.84 juta atau 81.1% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2018. Sebagai perbandingan, lima (5) hasil ini menyumbang sebanyak RM90.81 juta pada tahun 2017 atau 83.6% daripada keseluruhan hasil yang diterima pada tahun

2017. Trend penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tahun 2013 hingga 2018 menunjukkan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah penyumbang utama hasil kerajaan negeri, diikuti dengan Cukai Tanah Semasa dan Premium Tanah. Penyumbang hasil utama kerajaan negeri bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYUMBANG HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan	80.68	65.16	15.52	23.8
2.	Cukai Tanah Semasa	14.57	15.03	-0.46	-3.1
3.	Premium Tanah	3.66	3.76	-0.10	-2.7
4.	Permit Batu Kapur	2.73	3.50	-0.77	-22.0
5.	Premium Tukar Syarat Tanah	2.20	3.36	-1.16	-34.5
JUMLAH		103.84	90.81	13.03	14.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.1.4. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi empat (4) butiran hasil yang mencatatkan peningkatan hasil yang ketara bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Lebih dari Penutupan Akaun Amanah	6.40	0.00	6.40	100	Penutupan Akaun Amanah Penganjuran SUKMA XVII (Pengurusan).
2.	Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian 1	2.70	0.00	2.70	100	Kerajaan Persekutuan menyalurkan Geran pada tahun semasa. (Tiada pertambahan hasil yang diterima pada tahun 2017).
3.	Cukai Tanah - Tunggakan	1.74	0.79	0.95	120.3	Jabatan Tanah dan Galian telah menghantar notis peringatan kepada pemilik tanah.
4.	Pelbagai Terimaan yang Lain	1.51	0.58	0.93	160.3	Kerajaan negeri telah menerima sumbangan daripada MBI pada tahun 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.1.5. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi tiga (3) butiran hasil yang mencatatkan penurunan hasil yang ketara bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENURUNAN HASIL YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Sewa Bangunan yang Lain	0.24	2.8	-2.56	-91.4	Pada tahun 2018, terdapat perubahan kod penjenisan bagi sewaan PPR daripada H027499 kepada H0274211 dan transaksi bagi kutipan sewaan PPR tahun 2018 dimasukkan dalam kod baharu (RM0.86 juta).
2.	Cukai Tanah yang Lain	0.12	0.83	-0.71	-85.5	Nilai kutipan hasil 2017 adalah nilai bayaran tunggakan cukai tanah. Mulai tahun 2018, kutipan tunggakan cukai tanah menggunakan kod penjenisan H0161198. Nilai kutipan bagi tahun 2018 adalah kutipan cukai kuari oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.
3.	Bayaran Perkhidmatan Klinik Veterinar	0.05	0.41	-0.36	-87.8	<ul style="list-style-type: none"> Kutipan hasil 2017 adalah nilai bayaran perkhidmatan klinik veterinar dan bayaran pelbagai permit PTG. Pada tahun 2018, kutipan bagi pelbagai permit telah dimasukkan ke kod yang baru (H0171277).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Analisis perbandingan anggaran perbelanjaan mengurus menunjukkan penurunan sejumlah RM11.25 juta atau 6.9% kepada RM152.51 juta pada tahun 2018 berbanding dengan RM163.76 juta pada tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN PERBELANJAAN		PERUBAHAN ANGGARAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	54.33	50.06	4.27	8.5
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	69.06	64.88	4.18	6.4
3.	Aset	2.00	3.32	-1.32	-39.8
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	26.18	44.43	-18.25	-41.1
5.	Perbelanjaan Lain	0.94	1.07	-0.13	-12.1
JUMLAH		152.51	163.76	-11.25	-6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus

yang diperuntukkan mengikut Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai aktiviti dan pengurusan harian kerajaan negeri. Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri berjumlah RM143.49 juta atau 94.1% berbanding anggaran berjumlah RM152.51 juta. Perbelanjaan mengurus sebenar berbanding anggaran kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	54.33	50.00	4.33	92.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	69.06	65.52	3.54	94.9
3.	Aset	2.00	1.67	0.33	83.5
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	26.18	25.37	0.81	96.9
5.	Perbelanjaan Lain	0.94	0.93	0.01	98.9
JUMLAH		152.51	143.49	9.02	94.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.2.3. Pada tahun 2018, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri telah meningkat sejumlah RM3.6 juta atau 2.6% menjadi RM143.49 juta berbanding RM139.89 juta bagi tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	50.00	47.21	2.79	5.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	65.52	63.43	2.09	3.3
3.	Aset	1.67	2.55	-0.88	-34.5
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	25.37	25.81	-0.44	-1.7
5.	Perbelanjaan Lain	0.93	0.89	0.04	4.5
JUMLAH		143.49	139.89	3.60	2.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.4. Analisis Audit mendapati justifikasi peningkatan yang ketara perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGRUS YANG KETARA
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	27.96	26.13	1.83	7.0	Tambahan perbelanjaan bagi menampung pembayaran elaun JKKK berikutan tiada lagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan selepas Pilihanraya ke-14 pada tahun 2018.
2.	Ganjaran	2.39	0.78	1.61	206.4	Bayaran ganjaran kepada ADUN berikutan pembubaran DUN pada tahun 2018.
3.	Pencen	6.95	5.78	1.17	20.2	Tambahan penerima pencen ADUN berikutan pembubaran DUN pada tahun 2018.
4.	Pemberian dalam Negeri	14.90	14.24	0.66	4.6	Tambahan pemberian untuk penyertaan SUKMA Perak tahun 2018.
5.	Perhubungan dan Utiliti	8.73	8.14	0.59	7.2	Pembayaran utiliti adalah termasuk bayaran bagi bulan Disember 2018 dan tambahan bilangan unit di beberapa jabatan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.5. Sementara itu, justifikasi penurunan yang ketara perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENURUNAN YANG KETARA PERBELANJAAN MENGRUS
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Kos Kewangan	0.38	4.39	-4.01	-91.3	Bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan (tahun 2017: 3 projek/tahun 2018: 2 projek).
2.	Bangunan dan Pembaikan Bangunan	0.13	0.94	-0.81	-86.2	Tiada pembaikan berskala besar untuk bangunan pada tahun 2018.
3.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	3.07	3.67	-0.60	-16.3	Kawalan langkah penjimatan dilaksanakan.
4.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	18.98	19.43	-0.45	-2.3	Pengurangan kuantiti kerja penyelenggaraan.
5.	Haiwan, Pokok dan Benih	0.11	0.30	-0.19	-63.3	Meminimumkan pembelian anak benih Harum Manis.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.6. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Jumlah pembayaran AP58(a) tahun 2018

RM0.63 juta

Bilangan baucar bayaran
254

Bilangan bil
363

- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Pada tahun 2018, sejumlah RM0.63 juta telah dibayar di bawah peruntukan AP58(a) melibatkan 254 baucar bayaran berbanding RM0.93 juta bagi 632 baucar bayaran pada tahun 2017. Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP58(a) pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PEMBAYARAN DI BAWAH PERUNTUKAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)
PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2018		2017	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	31	0.11	282	0.69
2.	Jabatan Kerja Raya	89	0.27	108	0.08
3.	Jabatan Tanah dan Galian	0	0.00	35	0.03
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3	0.01	6	0.01
5.	Lain-Lain Jabatan	131	0.24	201	0.12
JUMLAH		254	0.63	632	0.93

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.2.7. Bayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2018 melibatkan bayaran balik gaji dan elaun, elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, tuntutan elaun motosikal, bayaran bil utiliti, bayaran petrol, bil penyelenggaraan dan bil-bil yang lewat diterima. Kelewatan menerima bil dan tuntutan daripada pegawai merupakan punca utama berlaku pembayaran di bawah AP58(a). Butiran pembayaran AP58(a) adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Jadual 17**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

BIL.	JENIS PEMBAYARAN	BIL BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
1.	Bayaran Balik Emolumen	17	0.17
2.	Utiliti	23	0.12
3.	Elaun Lebih Masa	98	0.05

BIL.	JENIS PEMBAYARAN	BIL BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
4.	Pembelian Minyak	8	0.02
5.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan	7	0.23
6.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	77	0.02
7.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain	6	0.01
8.	Tuntutan/ Bayaran Balik dan Bantuan Khas Kewangan	18	0.01
JUMLAH		254	0.63

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

JADUAL 17
TEMPOH PEMBAYARAN AP58(a)

BIL.	TEMPOH PEMBAYARAN	BILANGAN BIL	JUMLAH (RM Juta)
1.	1 - 14 hari	116	0.28
2.	15 - 60 hari	38	0.04
3.	61 - 90 hari	99	0.05
4.	91 - 120 hari	2	0.02
5.	121 - 150 hari	-	-
6.	151 - 180 hari	9	0.01
7.	melebihi 180 hari	99	0.23
JUMLAH		363	0.63

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.2.9. Perbelanjaan di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- i. Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) menetapkan bahawa pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barangan/perkhidmatan kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan kepada Akaun Pendahuluan Diri Pegawai Awam sementara menunggu hasil siasatan.
- ii. Pada tahun 2018, Pendahuluan Diri Pegawai Awam di bawah AP59 berjumlah RM135,905.25 telah dipertanggungkan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis berhubung perolehan yang dilaksanakan melalui sebut harga tidak mematuhi Prosedur Kewangan PK4.2. Jabatan telah menyediakan Laporan Jawatankuasa Siasatan dan mengemukakannya kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setelah mengambil kira syor yang diberi oleh Jawatankuasa Siasatan, Perbendaharaan Negeri bersetuju meluluskan

pelarasan pendahuluan diri atas nama Penolong Jurutera dan pelarasan telah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebelum dipindahkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang tertentu. Pada tahun 2018, kerajaan negeri menerima pinjaman berjumlah RM11.38 juta bagi Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Wang pinjaman yang diterima ini kemudiannya telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	-
Terimaan	11.38	0.00	11.38	100.0
Bayaran	11.38	0.00	11.38	100.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	-

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga (3) kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima dan dibelanjakan mengikut terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM475.82 juta berbanding RM474.19 juta pada tahun 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM1.63 juta atau 0.3%. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.


JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	376.27	388.85	-12.58	3.2
• Kumpulan Wang Pembangunan	11.63	3.53	8.10	229.5
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	364.64	385.32	-20.68	-5.4
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	36.07	42.68	-6.61	-15.5
iii) Akaun Wang Deposit	63.48	42.66	20.82	48.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	475.82	474.19	1.63	0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.2. Analisis Audit menunjukkan kenaikan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 dipengaruhi oleh kenaikan Akaun Wang Deposit yang meningkat sejumlah RM20.82 juta pada tahun 2018 dan peningkatan baki Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM8.10 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Ia terdiri daripada tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan



Prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2018

96.6%

Peruntukan yang diluluskan

RM44.05 juta

Perbelanjaan pembangunan

RM42.56 juta

a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70). Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta sahaja.

b. Terimaan kumpulan wang pada tahun 2018 yang berjumlah RM50.66 juta adalah terdiri daripada Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM23.31 juta, Pemberian

Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM14.63 juta, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM11.38 juta, Jualan Perumahan Kos Rendah berjumlah RM0.9 juta serta Ansuran Perumahan Awam berjumlah RM0.44 juta. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 berjumlah RM42.56 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM6.82 juta atau 19.1% berbanding RM35.74 juta pada tahun 2017. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berjumlah RM11.63 juta, peningkatan sejumlah RM8.10 juta atau 229.5% berbanding RM3.53 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan kerajaan negeri menerima Geran Pemberian Pertambahan Hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun semasa. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	3.53	12.94	-9.41	-72.7
Penerimaan	50.66	26.33	24.33	92.4
Perbelanjaan	42.56	35.74	6.82	19.1
Lebihan / Defisit Semasa	8.10	-9.41	17.51	186.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	11.63	3.53	8.10	229.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- c. Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM44.05 juta. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut sejumlah RM42.56 juta atau 96.6% telah dibelanjakan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan perbelanjaan yang tertinggi iaitu berjumlah RM3.81 juta atau 47.6% menjadi RM11.82 juta, berbanding RM8.01 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan sejumlah RM11.82 juta adalah bagi membiayai perbelanjaan Pembangunan Infrastruktur Awam Desa berjumlah RM3.29 juta, Rancangan/Projek berjumlah RM2.39 juta dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) berjumlah RM1.75 juta. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan/pejabat pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	16.13	12.96	3.17	24.5
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	11.82	8.01	3.81	47.6
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	8.66	7.82	0.84	10.7
4.	Jabatan Pertanian	3.29	3.07	0.22	7.2
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.57	3.05	-0.48	-15.7
6.	Jabatan Perhutanan	0.09	0.83	-0.74	-89.2
JUMLAH		42.56	35.74	6.82	19.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- d. Bagi menjayakan RMKe-11 Negeri Perlis, sejumlah RM503.98 juta peruntukan kewangan telah diluluskan oleh kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun (2016 - 2020) untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan oleh enam (6) jabatan/pejabat negeri. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diperuntukkan dengan peruntukan pembangunan tertinggi berjumlah RM280.18 juta (55.6%), diikuti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) berjumlah RM96.70 juta (19.2%) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berjumlah RM47.50 juta (9.4%). Keseluruhan peruntukan yang telah dibelanjakan pada RMKe-11 sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM115.91 juta iaitu 23% daripada RM503.98 juta. Peruntukan pembangunan yang telah diluluskan berbanding perbelanjaan yang telah dibuat sepanjang RMKe-11 yang berakhir pada 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN BERBANDING
PERBELANJAAN SEPANJANG RMKe-11 YANG BERAKHIR
PADA 31 DISEMBER 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN PERBELANJAAN (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	280.18	36.67	13.1
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	96.70	33.05	34.2
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	47.50	25.10	52.8
4.	Jabatan Pertanian	43.72	11.15	25.5
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	19.05	7.64	40.1
6.	Jabatan Perhutanan	16.83	2.30	13.7
JUMLAH		503.98	115.91	23.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

e. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11 Tahun 2018

Pada tahun 2018, peruntukan kewangan yang diluluskan oleh kerajaan negeri berjumlah RM44.05 juta dan sejumlah RM42.56 juta atau 96.6% daripadanya telah dibelanjakan oleh enam (6) jabatan/pejabat. Tiga (3) daripada enam (6) jabatan/pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 97%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKe-11 BAGI TAHUN 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN PERBELANJAAN (%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.86	2.57	89.9
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	8.68	8.66	99.8
3.	Jabatan Perhutanan	0.10	0.09	90.0
4.	Jabatan Pertanian	3.35	3.29	98.2
5.	Jabatan Kerja Raya	17.04	16.13	94.7
6.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	12.02	11.82	98.3
JUMLAH		44.05	42.56	96.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

f. Status Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 Tahun 2018

i. Pada tahun 2018, sebanyak 374 projek pembangunan RMKe-11 telah dirancang untuk dilaksanakan oleh enam (6) jabatan/pejabat. Sebanyak 355 projek telah siap dilaksanakan mengikut jadual, tujuh (7) projek dalam pelaksanaan manakala 12 projek ditangguhkan. Status pencapaian pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 4**.


Projek siap dilaksanakan	355
Projek dalam pelaksanaan	7
Projek ditangguhkan	12

**JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2018	PROJEK SIAP DILAKSANAKAN	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	71	69	-	2
2.	Jabatan Kerja Raya	36	25	5	6
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	118	118	-	-
4.	Jabatan Pertanian	107	106	1	-
5.	Jabatan Perhutanan	2	1	-	1
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	40	36	1	3
JUMLAH		374	355	7	12

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Negeri

**CARTA 4
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11
BAGI TAHUN 2018**



- ii. Pada tahun 2018, sebanyak 12 projek berjumlah RM3.88 juta ditangguhkan melibatkan empat (4) jabatan/pejabat iaitu PSUK, JKR, Jabatan Perhutanan Negeri (JPH) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Penangguhan ini antaranya disebabkan oleh kesuntukan masa, projek masih di peringkat awal penyediaan dokumen, baki peruntukan tidak mencukupi dan melibatkan proses pengambilan balik tanah. Senarai projek pembangunan RMke-11 yang ditangguhkan/dibatalkan adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RMke-11 YANG DITANGGUHKAN/DIBATALKAN

BIL.	NAMA PROJEK	JABATAN/PEJABAT	KOS PROJEK (RM JUTA)	SEBAB PENANGGUHAN
1.	Naik Taraf Taman Bunga Kertas	PSUK	0.15	Peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan disebabkan faktor kesuntukan masa. Jawatankuasa Pemutus Sebut Harga yang bersidang pada 9 November 2018 juga telah menangguhkan permohonan tersebut.
2.	Membina dan membaikpulih parit dan longkang dalam kawasan dan longkang dalam kawasan Majlis selain PAKR - Kampung Guru	PSUK	0.05	
3.	Naik Taraf Jalan Pasar Sena	JKR	1.00	Projek ditangguhkan kerana masih dalam peringkat reka bentuk dan penyediaan dokumen tender untuk ditender pada tahun 2019. Projek tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan tidak mencukupi dan sebanyak RM0.5 juta telah dipindah peruntukan kepada Bahagian Bangunan JKR Perlis.
4.	Kerja-Kerja Naik Taraf dan Memasang Perabot Jalan Simpang Empat Sungai Baru (R12) di Negeri Perlis Serta Kerja-Kerja yang Berkaitan Dengannya	JKR	0.20	Projek ditangguhkan kerana masih dalam proses penilaian oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Projek tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan tidak mencukupi. Sebanyak RM0.5 juta dipindah peruntukan kepada Bahagian Bangunan JKR Perlis.
5.	Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Memasang Perabot Jalan di Jalan Kampung Surau Long Boh (R156) di Negeri Perlis Serta Kerja yang Berkaitan Dengannya	JKR	0.20	
6.	Naik Taraf Jalan Jejawi Permatang	JKR	0.45	Projek ditangguhkan kerana baki peruntukan tidak mencukupi.
7.	Proses Pengambilan Balik Tanah Naiktaraf Simpang Jalan Rani Estet	JKR	1.50	Projek ini dibatalkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Semakan Program/Projek Bajet Pembangunan Tahun 2019 pada 18 Julai 2018 kerana melibatkan kos pengambilan balik tanah serta kos pengalihan utiliti yang tinggi melibatkan paip air SAP, kabel Telekom, TNB dan salur gentian optik CELCOM.
8.	Proses Pengambilan Balik Tanah Naik Taraf Simpang Jalan Semadong	JKR	0.00	Projek ditangguhkan kerana masih dalam proses pengambilan balik tanah MRSM Beseri melibatkan tanah Kerajaan Persekutuan. Persimpangan ini dinaiktaraf tahun 2019 selepas pengambilan balik tanah.
9.	Membina Tandas di Taman Negeri Perlis	JPH	0.15	Peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan disebabkan faktor kesuntukan masa.

BIL.	NAMA PROJEK	JABATAN/PEJABAT	KOS PROJEK (RM JUTA)	SEBAB PENANGGUHAN
10.	Pembangunan Infrastruktur dan Naik Taraf Kandang	JPV	0.06	Peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan disebabkan faktor kesuntukan masa selepas Sebut harga kerja-kerja pembinaan kandang tersebut ditolak oleh Jawatankuasa Pemutus Sebut Harga kerana lawatan tapak tidak dilakukan.
11.	Perolehan Pejantan Gantian	JPV	0.09	Peruntukan tidak dapat dibelanjakan disebabkan pihak pembekal menolak surat setuju terima bekalan.
12.	Projek Peningkatan Ekonomi Rakyat Bantuan Ayam Kepada Penternak Berpotensi	JPV	0.03	Peruntukan tidak dapat dibelanjakan disebabkan RM0.02 juta telah dipindah peruntukan ke Vot 12041-Pembinaan Pejabat JPV.
JUMLAH			3.88	

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

8.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2018, baki akaun ini menurun sejumlah RM20.68 juta atau 5.4% menjadi RM364.64 juta berbanding RM385.32 juta pada tahun 2017. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	222.44	246.75	-24.31	-9.9
2.	Akaun Pinjaman	9.68	9.65	0.03	0.3
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	-	-
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	132.02	128.42	3.60	2.8
BAKI PADA 31 DISEMBER		364.64	385.32	-20.68	-5.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya diwujudkan oleh kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini adalah bagi merekod pemberian Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kos penyenggaraan jalan raya negeri yang dilaksanakan oleh JKR, JPS, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan PSUK menerusi Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT).

Jumlah pemberian adalah berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan.

- a. Mengikut Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS), jalan raya negeri yang disenggarakan pada tahun 2018 adalah sepanjang 2,487.748 kilometer. Ia berdasarkan panjang jalan negeri yang dilaporkan dalam Sistem MARRIS pada 31 Disember 2018. Terimaan pemberian penyenggaraan jalan raya pada tahun 2018 telah meningkat sejumlah RM0.95 juta atau 3% menjadi RM32.54 juta berbanding RM31.59 juta pada tahun 2017 dan sejumlah RM28.95 juta atau 89% daripadanya telah dibelanjakan. JKR telah membelanja sejumlah RM24.58 juta, BPD sejumlah RM2.09 juta, JPS sejumlah RM1.24 juta, MPK sejumlah RM0.7 juta dan BKT sejumlah RM0.34 juta. Baki akaun ini pada akhir tahun 2018 berjumlah RM116.69 juta berbanding RM113.10 juta pada tahun 2017, peningkatan berjumlah RM3.59 juta atau 3.2%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	113.10	111.43	1.67	1.5
Terimaan	32.54	31.59	0.95	3.0
Perbelanjaan	28.95	29.92	-0.97	-3.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	116.69	113.10	3.59	3.2
% Penggunaan	89.0	94.7		


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.4.2. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

- a. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan merekodkan terimaan dan pembayaran yang dibuat oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Pendahuluan yang diterima ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan kerajaan negeri. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM20.70 juta atau 8.5% menjadi RM222.41 juta berbanding RM243.11 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan bantuan kewangan dalam bentuk Pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM35.50 juta iaitu sejumlah RM20.50 juta disalurkan pada 21 Ogos 2018 dan RM15 juta pada 7 Disember 2018. Pendahuluan ini dipersetujui dibayar melalui *off-set* oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM56.21 juta terhadap pemberian adalah seperti berikut:

- i. Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM20 juta;
 - ii. Pemberian 2018 Bagi Membiayai Perbelanjaan Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (Tuntutan 50% untuk Lima (5) Jabatan di bawah Senarai Bersama) berjumlah RM10 juta;
 - iii. Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM8.82 juta;
 - iv. Pemberian Berdasarkan Kekurangan Hasil berjumlah RM8 juta;
 - v. Pemberian di Bawah Bayaran Perkhidmatan Projek Persekutuan berjumlah RM5 juta; dan
 - vi. Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Pemberian Ikut Kepala) berjumlah RM4.38 juta.
- b. Kedudukan baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PENDAHULUAN DARIPADA
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

8.5. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.5.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang terdiri daripada Kumpulan Wang Khas kerajaan negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2018, baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun sejumlah RM6.61 juta atau 15.5% menjadi RM36.07 juta berbanding RM42.68 juta pada

tahun 2017. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	42.68	51.43	-8.75	-17.0
Penerimaan	47.96	16.84	31.12	184.8
Pembayaran	54.57	25.59	28.98	113.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	36.07	42.68	-6.61	-15.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.5.2. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh perbelanjaan yang ketara menerusi penutupan Akaun Amanah Penganjuran SUKMA XVII (Pengurusan) berjumlah RM6.43 juta pada tahun 2018 kerana telah mencapai maksud penubuhannya dan tidak diperlukan lagi. Baki tersebut telah dipindahkan ke Akaun Hasil kerajaan negeri. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah mewujudkan dua (2) Akaun Amanah baharu. Akaun Amanah Tabung Pembangunan Sumber Manusia Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis di bawah tanggungjawab PSUK Negeri Perlis menerusi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis dan Akaun Amanah Dana Pusingan Bagi Kerja Pembaikan Utiliti di Negeri Perlis di bawah tanggungjawab JKR Negeri Perlis. Butiran lanjut Akaun Amanah yang baharu diwujudkan pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
AKAUN AMANAH YANG BAHARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2018

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH	TUJUAN	BAKI PADA 31 DISEMBER 2018 (RM)
1.	Akaun Amanah Tabung Pembangunan Sumber Manusia Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis	Menyimpan dan merekod bantuan kewangan kemahiran di pusat-pusat latihan yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.	0.00
2.	Akaun Amanah Dana Pusingan Bagi Kerja Pembaikan Utiliti di Negeri Perlis	Memperakakan semua terimaan dan perbelanjaan daripada sumber pemberian oleh agensi-agensi utiliti awam dan swasta bagi membiayai kerja-kerja kecemasan membaik pulih jalan atau infrastruktur .	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

8.6. Akaun Deposit

8.6.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau

dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai 24 Akaun Deposit berjumlah RM63.48 juta yang diselenggarakan oleh 11 Jabatan.

8.6.2. Analisis Audit mendapati pada tahun 2018 terdapat empat (4) akaun deposit baharu terdiri daripada Akaun Deposit Cagaran Sewa Bangunan/Gerai/Kedai, Akaun Deposit Terimaan yang Tidak Diperuntukan, Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Akaun Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal. Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Akaun Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal berjumlah RM3.84 juta merupakan Akaun Penyelesaian yang dipindahkan daripada akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ke Akaun Deposit.

8.6.3. Pada tahun 2018, baki Akaun Deposit bagi 11 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM63.48 juta. Lima (5) jabatan/pejabat mempunyai baki deposit melebihi RM1 juta dan enam (6) jabatan/pejabat lain mempunyai baki deposit antara RM5,195 hingga RM0.32 juta. Baki deposit pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM20.82 juta atau 48.8% berbanding pada tahun 2017 berjumlah RM42.66 juta. Kedudukan deposit pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri	3	28.49	11.41	17.08	149.7
2.	Jabatan Tanah dan Galian Negeri	2	21.40	22.01	-0.61	-2.8
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5	5.18	1.00	4.18	418.0
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	4.82	4.82	-	-
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	2	3.14	3.05	0.09	3.0
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	3	0.32	0.22	0.10	45.5
7.	Jabatan/ Pejabat Lain*	8	0.13	0.15	-0.02	-13.3
JUMLAH		24	63.48	42.66	20.82	48.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: (*) Jabatan/Pejabat Lain (Tahun 2017 – Enam (6) Akaun, Tahun 2018 – Lima (5) Akaun)

8.6.4. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas 3 bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM31.89 juta deposit tidak dituntut masih belum diwartakan dari tahun 1974 hingga 2017 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT DARI TAHUN 1974 SEHINGGA 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	PURATA/JULAT TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jabatan Tanah Dan Galian	2	1974-2017	19.77
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	2	1981-2017	2.98
3.	Jabatan Perhutanan	2	1986-2017	0.06
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	2014	4.82
5.	Jabatan Kerja Raya	3	2011-2017	3.58
6.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5	2013-2017	0.45
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	3	2013-2017	0.20
8.	Jabatan Pertanian Negeri	2	2016-2017	0.02
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1	2015-2016	0.01
JUMLAH		21		31.89

Sumber: Jabatan Audit Negara

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan negeri yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman yang boleh dituntut dan pelaburan. Manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan baki hutang awam kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan dan pelbagai liabiliti.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM0.42 juta atau 0.4% menjadi RM109.72 juta, berbanding RM110.14 juta pada tahun 2017. Ia merupakan Pinjaman Boleh Dituntut yang dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP) dan Yayasan Islam Perlis (YIPs). Pada tahun 2018, PKENPs dan SAP membuat pembayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM0.24 juta dan RM0.18 juta. Bagaimanapun tiada bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs pada tahun semasa. Kesemua pinjaman ini dibuat menerusi perjanjian pinjaman.

9.1.2. Analisis perbandingan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2018 menunjukkan penurunan berjumlah RM0.42 juta berbanding 2017. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
OLEH KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	102.08	102.32	-0.24	-0.2
2.	Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	5.97	6.15	-0.18	-2.9
3.	Yayasan Islam Perlis	1.67	1.67	0.00	-
JUMLAH		109.72	110.14	-0.42	-0.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.1.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut merangkumi bayaran balik pinjaman yang matang, tetapi belum diterima daripada agensi negeri. Pada 31 Disember 2018, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi berjumlah RM88.77 juta meningkat sejumlah RM5.73 juta atau 6.9% berbanding RM83.04 juta pada tahun 2017. PKENPs sepatutnya membuat bayaran balik pinjaman kepada kerajaan negeri berjumlah RM87.02 juta. Ia terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM3.98 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman tahun sebelumnya yang berjumlah RM83.04 juta. Bagaimanapun, PKENPs hanya membuat pembayaran balik pinjaman berjumlah RM0.24 juta pada tahun semasa menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjamannya meningkat kepada RM86.78 juta. Pada tahun 2018, bayaran balik tunggakan pinjaman SAP dan YIPs telah matang mengikut perjanjian yang ditandatangani. SAP hanya membuat pembayaran balik tunggakan pinjaman berjumlah RM0.18 juta berbanding jumlah keseluruhan tunggakan bayaran balik hutang berjumlah RM0.50 juta. Bagaimanapun, YIPs tidak membuat sebarang bayaran balik tunggakan pinjaman berjumlah RM1.67 juta. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2018

AGENSI NEGERI	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 1.1.2018 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2018 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN PADA TAHUN 2018 (RM Juta)	JUMLAH DIJELASKAN PADA TAHUN 2018 (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31.12.2018 (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	83.04	3.98	87.02	0.24	86.78
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	-	0.50	0.50	0.18	0.32
Yayasan Islam Perlis	-	1.67	1.67	0.00	1.67
JUMLAH	83.04	6.15	89.19	0.42	88.77

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

- b. Analisis perbandingan antara jumlah baki Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 berbanding 2017 mendapati prestasi bayaran balik pinjaman oleh PKENPs dan YIPs adalah tidak memuaskan. PKENPs dan YIPs tidak membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan. Baki pinjaman pada tahun 2018 PKENPs dan YIPs masing-masing berjumlah RM102.08 juta dan RM1.67 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman PKENPs meningkat sejumlah RM3.74 juta atau 4.5% menjadi RM86.78 juta, YIPS meningkat kepada RM1.67 juta atau 100% berbanding tahun sebelumnya dan SAP meningkat kepada 0.32 juta atau 100% berbanding tahun sebelumnya. Analisis perbandingan kedudukan baki Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2014 hingga 2018 menunjukkan peningkatan baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada setiap tahun adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2014 HINGGA 2018

AGENSI NEGERI	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	74.13	75.35	79.09	83.04	86.78
Yayasan Islam Perlis	0.00	0.00	0.00	0.00	1.67
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.32
JUMLAH	74.13	75.35	79.09	83.04	88.77

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

9.2. Hutang Awam

9.2.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membiayai projek pembangunan. Pada tahun 2018, baki hutang awam kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM10.99 juta atau 2.8% menjadi RM403.32 juta, berbanding RM392.33 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan kerajaan negeri menerima pinjaman bagi membiayai Projek Pembinaan Kompleks Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang berjumlah RM11.38 juta. Selain itu, kerajaan negeri telah membuat bayaran berjumlah RM0.39 juta bagi Projek Perumahan Padang Besar Perlis berjumlah RM0.23 juta dan Projek Pembangunan Semula Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.16 juta. Kedudukan baki hutang awam kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Bekalan Air	155.62	155.62	0.00	0.0
2.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	130.41	130.64	-0.23	-0.2
3.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	87.97	87.97	0.00	0.0
4.	Sektor Pelbagai	29.32	18.10	11.22	62.0
JUMLAH		403.32	392.33	10.99	2.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.2.2. Baki hutang awam kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM403.32 juta, berbanding RM395.94 juta yang dilaporkan pada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018. Perbezaan berjumlah RM7.38 juta ini disebabkan Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira tunggakan bayaran faedah berjumlah RM7.38 juta yang dipermodalkan oleh kerajaan negeri pada tahun semasa.

9.2.3. Tunggakan bayaran balik hutang awam, termasuk jumlah pokok dan faedah kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM14.40 juta atau 6.3% menjadi RM244.28 juta, berbanding RM229.88 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan kerajaan negeri hanya membuat bayaran balik hutang berjumlah RM0.39 juta atau 0.2% daripada keseluruhan sepatutnya dibayar yang berjumlah RM244.67 juta. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	115.10	111.35	3.75	3.4
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	61.73	59.14	2.59	4.4
3.	Sektor Bekalan Air	65.92	58.72	7.2	12.3
4.	Sektor Pelbagai	1.53	0.67	0.86	128.4
JUMLAH		244.28	229.88	14.40	6.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) ditafsirkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh kerajaan negeri pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berasaskan kepada bil yang telah dikeluarkan. Garis panduan bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima dijelaskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6. Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab dikehendaki menyediakan Laporan ABT pada 30 Jun dan 31 Disember pada setiap tahun dan menghantar kepada Bendahari Negeri, dengan sesalinan kepada Jabatan Audit Negara, selewat-lewatnya pada 31 Ogos dan 31 Januari tahun berikutnya. ABT kerajaan negeri yang utama terdiri daripada Tunggakan Hasil dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut.

10.2. Tunggakan Hasil

- a. Tunggakan Hasil adalah hasil atau pendapatan yang berpunca daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang sepatutnya telah diterima, tetapi belum diterima oleh kerajaan negeri. Pada tahun 2018, tunggakan hasil kerajaan negeri telah meningkat sejumlah RM0.65 juta atau 2.5% menjadi RM26.54 juta berbanding RM25.89 juta pada tahun 2017. Tunggakan hasil yang tertinggi disumbangkan oleh cukai tanah, jualan air dan bayaran ansuran jualan Perumahan Awam Kos Rendah yang keseluruhannya


berjumlah RM26.39 juta. Tunggakan hasil kerajaan negeri mengikut jabatan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 37** dan kedudukan tunggakan cukai tanah tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Carta 6**.

JADUAL 37
TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT JABATAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Tanah dan Galian (Cukai Tanah)	15.93	13.95	1.98	14.2
2.	Jabatan Kerja Raya (Jualan Air)	5.88	6.85	-0.97	-14.2
3.	Pejabat SUK (Ansuran Perumahan Awam)	4.58	4.95	-0.37	-7.5
4.	Pejabat SUK (Sewa Gerai)	0.13	0.12	0.01	8.3
5.	Jabatan Perhutanan (Permit Dusun)	0.02	0.02	0.00	-
JUMLAH		26.54	25.89	0.65	2.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

CARTA 6
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH TAHUN 2018 BERBANDING 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2018 adalah kurang stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

- 11.1. baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan adalah sebanyak RM22.20 juta pada 31 Disember 2018, iaitu menurun sejumlah RM13.78 juta berbanding RM35.98 juta pada akhir tahun 2017;

11.2. kutipan hasil pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM19.42 juta menjadi RM128.08 juta walaupun kutipan Hasil Cukai menurun sejumlah RM0.19 juta menjadi RM18.63 juta berbanding RM18.82 juta tahun 2017. Perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pula meningkat sejumlah RM10.42 juta menjadi RM186.05 juta pada tahun 2018;

11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit semasa berjumlah RM15.41 juta menyebabkan defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM453.62 juta. Bagaimanapun peratus peningkatan adalah lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya;

11.4. Hutang Awam kerajaan negeri meningkat sejumlah RM10.99 juta menjadi RM403.32 juta pada tahun 2018;

11.5. tunggakan bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM14.40 juta menjadi RM244.28 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman oleh agensi negeri kepada kerajaan negeri pula telah meningkat sejumlah RM5.72 juta menjadi RM88.76 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman PKENPs paling ketara meningkat sejumlah RM3.74 juta atau 4.5% menjadi RM86.78 juta; dan

11.1.6. Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil meningkat sejumlah RM0.65 juta atau 2.5% menjadi RM26.54 juta berbanding RM25.89 juta pada tahun 2017.

12. SYOR AUDIT

12.1. Untuk penambahbaikan dalam prestasi kewangan, Kerajaan Negeri Perlis adalah disyorkan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

12.1.1. bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri Perlis hendaklah berusaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain daripada jabatan/agensi kerajaan. Kerajaan negeri juga perlu berusaha meningkatkan kutipan hasil termasuk mengutip balik tunggakan hasil;

12.1.2. bayaran di bawah AP 58(a) sepatutnya boleh dibayar dalam tahun kewangan semasa sekiranya jabatan mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil tersebut diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun; dan

12.1.3. Kerajaan negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri.

BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018	Bilangan agensi negeri	8 akaun yang telah disahkan
	6 Badan Berkanun Negeri	4 Pendapat Tanpa Teguran
	1 Pihak Berkuasa Tempatan	4 Pendapat Berteguran
	1 Majlis Agama Islam	
Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam	Pihak Berkuasa Tempatan	Cukai Taksiran
RM35 juta ↑ Lebihan Pendapatan Semasa	RM0.72 juta ↓ Defisit Semasa	RM0.25 juta ↓ Semasa
RM92.94 juta ↑ Aset Semasa Bersih	RM0.16 juta ↑ Aset Semasa Bersih	RM1.53 juta ↑ Tunggakan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 8 penyata kewangan bagi tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, enam (6) merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, satu (1) penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga (3) BBN dan MAI manakala baki empat (4) penyata kewangan

dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2019, kesemua enam (6) BBN dan PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Kesemua lapan (8) agensi terlibat telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2019. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	05.04.2019
2.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	25.04.2019
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs)	29.04.2019
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNPs)	30.04.2019
5.	Yayasan Islam Perlis (YIPs)	30.04.2019
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs)	30.04.2019
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	30.04.2019
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Kangar (MPK)	30.04.2019

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh Agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan Agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/ *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh Agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards</i> (MPERS)	2
2.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i> (MPSAS)	6
JUMLAH		8

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). *ISSAI* menetapkan sebanyak dua (2) jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila Juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Perkara lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat dinyatakan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenalpasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.



8 penyata kewangan tahun 2018 telah disahkan

6 BBN, 1 PBT dan 1 MAI

4 Sijil Audit Tanpa Teguran
4 Sijil Audit Berteguran

5.3. Setakat 31 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak lapan (8) penyata kewangan tahun 2018 iaitu enam (6) penyata kewangan BBN, satu (1) penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI. Tiga (3) penyata kewangan BBN, dan satu (1) MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit dan disahkan dengan Pendapat Audit Tanpa Teguran, manakala tiga (3) penyata kewangan BBN dan satu (1) PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah disahkan dengan Pendapat Audit Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 SEHINGGA 2018

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	6	5	6	4
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	0	0	0	0
3.	Pendapat Berteguran	2	3	2	4
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	0
JUMLAH		8	8	8	8

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 – 2018

5.4. Sebanyak tiga (3) penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan satu (1) Pihak Berkuasa Tempatan telah diberikan Pendapat Berteguran berdasarkan asas seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	<ul style="list-style-type: none"> i. Peruntukan rosotnilai tidak dibuat bagi nilai bersih pelaburan yang berjumlah RM3.68 juta di dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang tidak aktif, telah dibubarkan dan di dalam proses penggulungan serta pelaburan lain. ii. Peruntukan rosotnilai bagi pelaburan syar harga Land & General Berhad telah terlebih nyata sebanyak RM0.61 juta. iii. Tiada pelarasan dicatatkan bagi pembangunan hartanah yang berjumlah RM9.59 juta iaitu projek Wet Market, Lot 1595 Utan Aji (RM0.30 juta) dan Projek Pembangunan Pekan Melayu Mukim Sena (RM9.29 juta). iv. Amaun inventori terlebih nyata sebanyak RM0.40 juta disebabkan penjualan yang telah disempurnakan pada tahun sebelumnya. v. Terdapat perbezaan berjumlah RM3.17 juta antara kos aset dipermodalkan dan jumlah penerimaan geran bagi projek Halal Hub. vi. Hutang oleh syarikat bersekutu yang telah dibubarkan, iaitu Perlis Essentials Oil Sdn. Bhd. berjumlah RM0.35 juta tidak dihapuskira selaras dengan MPERS 11.21, penjejasan aset. vii. Tiada peruntukan cukai bagi tahun 2018 yang diperuntukkan oleh pihak Perbadanan, ini menyebabkan keuntungan bersih selepas cukai tidak dapat ditentukan.
2.	Yayasan Islam Perlis	<ul style="list-style-type: none"> i. Kontrak perjanjian antara Yayasan Islam Perlis dan Koperasi Yayasan Islam belum dimuktamadkan mengenai status pendahuluan kepada Pajak Gadai Islam di bawah Koperasi Yayasan Islam Perlis berjumlah RM10.02 juta dan tiada laporan kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 disertakan. ii. Tiada peruntukan rosotnilai dibuat terhadap pelaburan dalam entiti yang dikawal bagi Northcrest Development Sdn. Bhd. yang berstatus penggulungan serta bagi YIPs Services Sdn. Bhd. di mana masing-masing berjumlah RM0.38 juta dan RM0.05 juta. iii. Amaun pinjaman dan faedah pinjaman Affin Bank terlebih nyata bagi pinjaman pembiayaan keperluan modal kerja sebanyak RM0.11 juta. iv. Terdapat tiga (3) lot tanah tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan Yayasan Islam Perlis tahun 2018 iaitu Lot 1332, Lot 8156 dan Lot 5192. v. Penyata kewangan tidak disatukan bagi subsidiari YIPs Services Sdn. Bhd. dan Infostas Engineering Sdn. Bhd. dalam tahun semasa.
3.	Majlis Perbandaran Kangar	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelarasan terdahulu berjumlah RM532,682 yang telah dinyatakan di dalam Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih tetapi amaun yang sama juga ditunjukkan dalam tahun kewangan 2018. Ini menyebabkan baki awal Kumpulan Wang Majlis masih lagi dinyatakan dengan amaun yang belum dilaraskan dengan amaun pelarasan tahun terdahulu. Perkara ini tidak memenuhi kehendak peraturan perakaunan MPSAS 3 berkaitan "Accounting Policies, Changes In Accounting Estimates and Errors". ii. Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah berjumlah RM20.01 juta. Namun didapati pihak MPK tidak menyediakan Penyata Pengumuman bagi amaun tertunggak tersebut. Perkara ini tidak mematuhi kehendak MPSAS 29 "Financial Instruments: Recognition and Measurement". iii. Tiada perlunasan geran dibuat dalam tahun semasa berjumlah RM1.19 juta bagi Geran Projek Persekutuan, RM657,124.57 bagi Geran MARRIS dan RM626,661 bagi Geran Program Basmi Kemiskinan seperti kehendak di dalam peraturan perakaunan MPSAS 23 "Revenue from Non-Exchange Transactions". iv. Penyata Aliran Tunai tidak disediakan mengikut peruntukan peraturan MPSAS 2 "Cash Flow Statement". Ini disebabkan terdapat kesalahan di dalam angka-angka susutnilai aset tetap, pelarasan tahun lalu, hapuskira penghutang sewaan, peruntukan manfaat kakitangan dan Lebihan/(Kurangan) dalam kumpulan wang amanah.
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis	Peralatan sukan yang dibeli dan diterima pada tahun 2018 bernilai RM103,271 tidak diakaunkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan menyebabkan nilai buku Hartanah, Loji dan Peralatan telah berkurang nyata sejumlah RM90,071.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak tujuh (7) penyata kewangan tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Perlis tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH DIBENTANGKAN
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2019

BIL	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN
		DUN
PENYATA KEWANGAN 2017		
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	11.12.2018
2.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	11.12.2018
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	11.12.2018
4.	Yayasan Islam Perlis	11.12.2018
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	11.12.2018
MAJLIS AGAMA ISLAM		
6.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	11.12.2018
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
7.	Majlis Perbandaran Kangar	11.12.2018

Sumber: Kertas Perintah Mesyuarat Majlis Dewan Undangan Negeri Perlis yang ke-14

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan sehingga 31 Ogos 2019 hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan kepada enam (6) penyata kewangan BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang telah dimuktamadkan dan disahkan.

7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

7.1.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi enam (6) BBN dan satu (1) MAI adalah baik berbanding tahun 2017. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, lebih pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM219.29 juta atau 36.3% dan jumlah aset meningkat sejumlah RM144.63 juta atau 17.2%. Aset semasa bersih meningkat sejumlah RM92.94 juta atau 21.4% berbanding tahun 2017. Selain itu, lebih pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa meningkat sejumlah RM35 juta atau 19% berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan enam (6) BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 6**.



Lebih pendapatan semasa tahun 2018

RM219.29 juta

Peningkatan RM35 juta berbanding tahun 2017

JADUAL 6
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	BUTIRAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebih Pendapatan Terkumpul	822.75	603.46	219.29	36.3
2.	Jumlah Aset	985.47	840.84	144.63	17.2
3.	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih	528.24	435.30	92.94	21.4
4.	Lebih Pendapatan Semasa	219.29	184.29	35.00	19.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.2. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, empat (4) BBN dan satu (1) MAI mencatatkan lebih manakala dua (2) BBN, iaitu Yayasan Islam Perlis (YIPs) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) mencatatkan defisit bagi tahun semasa. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) mencatatkan lebih pendapatan semasa tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM211.12 juta. Peningkatan ketara dalam pendapatan MAIPs adalah daripada kutipan zakat harta yang telah meningkat sejumlah RM60.87 juta daripada RM263.51 juta pada tahun 2017 kepada RM324.38 pada tahun 2018. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	341.95	130.83	211.12	550.31	13.54	536.77
2.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	32.97	22.99	9.98	91.77	126.11	-34.34
3.	Majlis Sukan Negeri Perlis	4.54	4.29	0.25	1.93	0.03	1.90
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	3.03	3.09	-0.06	5.78	0.36	5.42
5.	Yayasan Islam Perlis	0.94	3.02	-2.08	16.18	5.46	10.72
6.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	0.32	0.25	0.07	7.14	0.03	7.11
7.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	0.02	0.01	0.01	0.66	0.00	0.66
JUMLAH		383.77	164.48	219.29	673.77	145.53	528.24

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset BBN dan MAI merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh enam (6) BBN dan MAI adalah bernilai RM985.47 juta berbanding RM840.84 juta pada 31 Disember 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM144.63 juta atau 17.2%. MAIPs mencatatkan peningkatan tertinggi dalam asetnya iaitu berjumlah RM136.50 juta atau 28.6% menjadi RM613.56 juta berbanding RM477.06 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini antaranya disebabkan pertambahan dalam simpanan tetap yang berjumlah RM225.64 juta. Kedudukan aset pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	613.56	477.06	136.50	28.6
2.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	303.53	296.10	7.43	2.5
3.	Yayasan Islam Perlis	47.46	46.63	0.83	1.8
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	10.67	10.77	-0.10	-0.9

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
5.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	7.60	7.51	0.09	1.2
6.	Majlis Sukan Negeri Perlis	1.99	2.12	-0.13	-6.1
7.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	0.66	0.65	0.01	1.5
JUMLAH		985.47	840.84	144.63	17.2

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2017 dan 2018

- b. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih meningkat sejumlah RM92.94 juta atau 21.4%, iaitu daripada RM435.30 juta pada tahun 2017 kepada RM528.24 juta pada tahun 2018. Lima (5) BBN dan satu (1) MAI mencatatkan aset semasa bersih manakala satu (1) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih berjumlah RM34.34 juta iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs). Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9**.



Aset semasa bersih
RM92.94 juta

Lima (5) Agensi BBN dan MAI mencatat aset semasa bersih

PKENPs mencatat liabiliti semasa bersih

JADUAL 9
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	536.77	405.32	131.45	32.4
2.	Yayasan Islam Perlis	10.72	11.64	-0.92	-7.9
3.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	7.11	7.02	0.09	1.3
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	5.42	5.63	-0.21	-3.7
5.	Majlis Sukan Negeri Perlis	1.90	1.64	0.26	15.9
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	0.66	0.65	0.01	1.5
7.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	-34.34	3.40	-37.74	-1,110.0
JUMLAH		528.24	435.30	92.94	21.4

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2018, pelaburan bagi dua (2) BBN dan satu (1) MAI adalah berjumlah RM190.97 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan hartanah, pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah

Jumlah pelaburan BBN dan MAI pada 31 Disember 2018

RM190.97 juta

RM181.6 juta pelaburan bagi dua (2) BBN

RM9.37 juta Pelaburan MAI

RM41.81 juta atau 28%, iaitu daripada RM149.16 juta pada tahun 2017 kepada RM190.97 juta pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	20.50	20.50	0.00	0.00	5.08	5.47	25.58	25.97
2.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	5.76	6.31	1.91	1.91	148.35	105.16	156.02	113.38
3.	Yayasan Islam Perlis	0.48	0.48	6.37	6.58	2.52	2.75	9.37	9.81
JUMLAH		26.74	27.29	8.28	8.49	155.95	113.38	190.97	149.16

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018 dan 2017

7.1.5. Analisis Liabiliti

Jumlah liabiliti BBN dan MAI pada 31 Disember 2018

RM239.91
juta

RM226.15 juta
liabiliti bagi enam (6) BBN

RM13.76 juta
liabiliti MAI

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi enam (6) BBN dan satu (1) MAI meningkat sejumlah RM4.49 juta atau 1.9%, iaitu daripada RM235.42 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM239.91 juta pada 31 Disember 2018. Tiga (3) BBN dan satu (1) MAI mencatatkan peningkatan liabiliti iaitu YIPs, PPANPs, Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis dan MAIPs. Analisis Audit mendapati MAIPs mencatatkan peningkatan nilai liabiliti yang paling ketara iaitu sejumlah RM5.36 juta atau 63.8%. Hal ini disebabkan peningkatan di dalam pelbagai pemiutang sebanyak RM5.18 juta yang terdiri daripada pinjaman Kumpulan Wang Zakat kepada Kumpulan Wang Wakaf bagi perbelanjaan pembinaan Bangunan Hemodialisis Hospital Tuanku Fauziah. Kedudukan liabiliti BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	210.70	213.25	-2.55	-1.2
2.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	13.76	8.4	5.36	63.8
3.	Yayasan Islam Perlis	9.08	7.43	1.65	22.2
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	6.31	6.29	0.02	0.3
5.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	0.03	0.02	0.01	50.0

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
6.	Majlis Sukan Negeri Perlis	0.03	0.03	0.00	0.0
7.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		239.91	235.42	4.49	1.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.6. Analisis Nisbah

- Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi PKENPs adalah kurang daripada satu disebabkan liabiliti semasa yang tinggi direkodkan bagi agensi tersebut. Sebahagian besar daripada liabiliti semasa PKENPs adalah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk projek pembangunan hartanah dan projek perumahan.
- Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pemiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN dan MAI adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi. Analisis kecairan dan kestabilan enam (6) BBN dan MAI pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	40.6	38.4	536.77	529.20	2.2
2.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	0.7	0.5	-34.34	1.15	41.5
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	16.1	15.8	5.42	5.69	3.4
4.	Yayasan Islam Perlis	3.0	3.0	10.72	4.61	11.5
5.	Majlis Sukan Negeri Perlis	64.3	64.3	1.90	1.93	1.5
6.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	238.0	238.0	7.11	6.26	0.4
7.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	-	-	0.66	0.61	0.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

7.2. Prestasi Anak Syarikat Agensi Negeri

7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, pelaburan MAIPs berjumlah RM20.50 juta dalam dua (2) syarikat manakala PKENPs berjumlah RM8.07 juta dalam 20 syarikat dan YIPs berjumlah RM6.85 juta dalam lima (5) syarikat. PKENPs telah membuat peruntukan rosot nilai dalam pelaburan anak syarikat pada tahun semasa berjumlah RM0.55 juta manakala YIPs telah mengurangkan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutunya berjumlah RM0.21 juta. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANALISIS PELABURAN PADA KOS
DALAM ANAK SYARIKAT, SYARIKAT BERSEKUTU
DAN SYARIKAT USAHA SAMA PADA 31 DISEMBER 2018

BUTIRAN	BADAN BERKANUN		MAI	JUMLAH
	PKENPs	YIPs	MAIPs	
Bilangan Anak Syarikat (pelaburan > 50%)	14	3	2	19
Bilangan Syarikat Bersekutu (pelaburan < 50%)	5	2	0	7
Bilangan Syarikat Usaha Sama (pelaburan = 50%)	1	0	0	1
JUMLAH SYARIKAT	20	5	2	27
JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)	8.07	6.85	20.50	35.42

Sumber: Penyata Kewangan MAI, PKENPs dan YIPs Tahun 2018



19 Anak Syarikat

Dua (2) BBN memiliki 12 anak syarikat aktif dan Lima (5) dorman

MAI mempunyai dua (2) anak syarikat yang aktif

7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati dua (2) BBN dan MAI memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 19 anak syarikat, iaitu MAI sebanyak dua (2) anak syarikat, PKENPs dan YIPs masing-masing 14 dan tiga (3) anak syarikat. Berdasarkan jumlah tersebut, 14 anak syarikat berstatus aktif manakala lima (5) berstatus dorman/dalam proses penggulangan. Status anak syarikat BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
STATUS ANAK SYARIKAT PKENPs, YIPs DAN MAIPs
YANG AKTIF DAN DORMAN PADA 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	BILANGAN ANAK SYARIKAT (EKUITI LEBIH DARIPADA 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN / PENGGULUNGAN	JUMLAH ANAK SYARIKAT
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	10	4	14
2.	Yayasan Islam Perlis	2	1	3
3.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2	0	2
JUMLAH		14	5	19

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

- a. Pada 31 Disember 2018, sebanyak tiga (3) anak syarikat yang aktif di bawah PKENPs telah mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM31.48 juta manakala tujuh (7) anak syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM37.07 juta. Anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul ialah Pens Industries Sdn. Bhd. berjumlah RM24.38 juta, Perlis Comm. Sdn. Bhd. berjumlah RM6.46 juta dan Rumpun Teras Sdn. Bhd. berjumlah RM0.64 juta. Empat (4) anak syarikat yang mencatatkan kerugian terkumpul tertinggi pula adalah Pens Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM12.79 juta, Perlis Marine Engineering Sdn. Bhd. berjumlah RM10.41 juta, Putra Palace Sdn. Bhd. berjumlah RM9.45 juta dan Hotel Brasmana Sdn. Bhd. berjumlah RM3.01 juta.
- b. Anak syarikat MAIPs yang aktif iaitu Akademi Transformasi Asnaf MAIPs Sdn. Bhd. telah mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM0.25 juta manakala KUIPs Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM5 juta. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul anak syarikat PKENPs dan MAIPs bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15**.



Keuntungan terkumpul bagi tiga (3) anak syarikat

RM31.48 juta

Kerugian terkumpul bagi tujuh (7) anak syarikat

RM37.07 juta

JADUAL 15
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL
ANAK SYARIKAT PKENPs DAN MAIPs BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Bil.	AGENSI NEGERI	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL BERSIH (RM Juta)
		BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	
1.	PKENPs	3	31.48	7	-37.07	-5.59
2.	MAIPs	1	0.25	1	-5.00	-4.75

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

- c. Analisis prestasi kewangan semasa anak syarikat mendapati enam (6) anak syarikat hakmilik PKENPs dan MAIPs mencatatkan lebihan pada tahun semasa berjumlah RM3.15 juta manakala enam (6) anak syarikat PKENPs mencatatkan defisit berjumlah RM3.94 juta. Anak syarikat PKENPs yang mencatatkan lebihan tahun semasa yang tertinggi adalah Perlis Comm Sdn. Bhd. yang berjumlah RM2.25 juta, Pens Industries Sdn. Bhd. berjumlah RM0.28 juta dan Perlis NCER Trading Sdn. Bhd. berjumlah RM0.28 juta. Anak syarikat MAIPs yang mencatatkan lebihan tertinggi pada tahun semasa ialah KUIPs Sdn. Bhd. berjumlah RM0.13 juta dan diikuti dengan Akademi Transformasi Asnaf MAIPs Sdn. Bhd. yang mencatat lebihan berjumlah RM0.12 juta. Kerugian semasa yang tertinggi dicatatkan oleh anak syarikat PKENPs iaitu Perlis Marine Engineering

Sdn. Bhd. yang berjumlah RM2.02 juta dan Hotel Brasmana Sdn. Bhd. berjumlah RM0.79 juta.

- d. Bagi YIPs, dua (2) anak syarikat yang aktif dalam proses penyediaan penyata kewangan tahun 2018 dan penyata kewangan subsidiari tersebut tidak disatukan di dalam penyata kewangan YIPs.

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah PKENPs dan Ahli Majlis MAIPs hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat masing-masing. Setiap pelaburan dalam syarikat yang berstatus dorman dan menghadapi defisit terkumpul hendaklah dibuat semakan dan kajian semula. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat sentiasa berdaya maju dan pelaburan dalam syarikat tersebut dapat memberi pulangan kepada Agensi dalam bentuk dividen. Terma rujukan pinjaman anak syarikat hendaklah disediakan dengan jelas, termasuk bayaran balik kepada PKENPs dalam tempoh masa yang dipersetujui bersama. Lembaga Pengarah YIPs pula hendaklah memastikan kesemua penyata kewangan anak syarikat dikemukakan untuk disatukan dengan penyata kewangan YIPs pada setiap tahun.

7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) mencatat defisit bagi Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan berjumlah RM1.16 juta berbanding defisit RM1.88 juta pada tahun 2017. MPK merekodkan pendapatan berjumlah RM27.51 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM28.67 juta. Pendapatan utama tertinggi MPK diperoleh daripada kutipan Cukai Taksiran berjumlah RM14.89 juta, kutipan Cukai Harta Benda Kerajaan berjumlah RM2.91 juta dan terimaan bantuan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.03 juta. Perbelanjaan yang utama pula terdiri daripada bayaran emolumen berjumlah RM11.10 juta, bayaran perkhidmatan pembersihan berjumlah RM7.80 juta dan bayaran utiliti berjumlah RM2.91 juta. Aset Semasa MPK telah menyusut sejumlah RM1.55 juta atau 3.6% menjadi RM41.10 juta berbanding RM42.65 juta pada tahun 2017. Penyusutan ini antaranya disebabkan pencairan simpanan tetap pada tahun semasa sebanyak RM3 juta. Kedudukan prestasi kewangan MPK bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16** dan kedudukan perubahan lebihan/defisit MPK bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 16
PRESTASI KEWANGAN MPK PADA TAHUN 2018**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
	PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET BERSIH SEMASA (RM Juta)
Majlis Perbandaran Kangar	27.51	28.67	-1.16	41.10	30.62	10.48

Sumber: Penyata Kewangan MPK Tahun 2018

**JADUAL 17
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT MPK BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	2017 LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Majlis Perbandaran Kangar	-1.16	-1.88	0.72	38.3

Sumber: Penyata Kewangan MPK Tahun 2018 dan 2017

7.3.2. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2018, aset semasa bersih bagi MPK adalah berjumlah RM10.48 juta, iaitu meningkat sejumlah RM0.16 juta atau 1.5% berbanding RM10.32 juta pada 31 Disember 2017. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih MPK pada tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH MPK PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2018			TAHUN 2017		
	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)
Majlis Perbandaran Kangar	41.10	30.62	10.48	42.65	32.33	10.32

Sumber: Penyata Kewangan MPK Tahun 2018 dan 2017

7.3.3. Hasil Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran

- Cukai Taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai Taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT yang dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM14.89 juta Cukai Taksiran telah diiktiraf oleh

Hasil cukai taksiran MPK tahun 2018
RM14.89 juta

RM0.25 juta pengurangan hasil cukai berbanding tahun 2017

MPK. Hasil Cukai Taksiran tahun 2018 menurun sejumlah RM0.25 juta atau 1.7% berbanding tahun 2017 seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
HASIL CUKAI TAKSIRAN MPK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 BERBANDING
31 DISEMBER 2017

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Majlis Perbandaran Kangar	14.89	15.14	-0.25	1.7

Sumber: Penyata Kewangan MPK Tahun 2018 dan 2017

- b. Penyata Kewangan MPK menunjukkan tunggakan hasil Cukai Taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM18.28 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM1.53 juta atau 9.1% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan pertambahan bilangan pemilik premis yang tidak membayar Cukai Taksiran mengikut jumlah dan tempoh masa ditetapkan. MPK tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik premis yang mempunyai tunggakan Cukai Taksiran menyebabkan jumlahnya semakin meningkat pada setiap tahun. Kedudukan tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN MPK
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Majlis Perbandaran Kangar	18.28	16.75	1.53	9.1

Sumber: Penyata Kewangan MPK Tahun 2018

7.3.4. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan/ Kerugian

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah kerugian bagi MPK adalah RM1.16 juta manakala tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM18.28 juta. Peningkatan tunggakan cukai taksiran perlu diambil tindakan serius untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan semasa MPK. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN
BAGI TAHUN 2018

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
Majlis Perbandaran Kangar	18.28	-1.16	>100

Sumber: Penyata Kewangan MPK Tahun 2018

8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)

Pada tahun 2019, Sektor Audit Kewangan telah merancang pengauditan mengikut bidang utama audit (*key audit area*) bagi memastikan Laporan Ketua Audit Negara yang dihasilkan adalah mantap dan bermutu. Bidang utama yang ditetapkan melibatkan perkara berikut:

- a. Penyaluran dan penggunaan geran pembangunan;
- b. Pinjaman diterima;
- c. Cukai Taksiran/agihan Zakat;
- d. Perolehan artifak/karya/seni; dan
- e. Pelaburan/Pinjaman diberi.

8.1. Penyaluran dan Penggunaan Geran Pembangunan

Penyaluran geran oleh kementerian kepada agensi antaranya adalah dalam bentuk geran mengurus, pembangunan dan penyelidikan. Geran mengurus disalurkan bagi tujuan operasi agensi manakala geran pembangunan disalurkan bagi tujuan projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Berikut adalah penemuan berkaitan penyaluran dan penggunaan geran pembangunan di Agensi Negeri Perlis:

a. PKENPs

i. Projek Halal Hub

Terdapat perbezaan antara kos aset dipermodalkan dan jumlah penerimaan geran bagi projek Halal Hub sejumlah RM3.17 juta. Perbezaan tersebut memberi kesan terhadap pelunasan geran dan susutnilai aset dipermodalkan berjumlah RM0.16 juta.

ii. Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Projek Pusat Transformasi Bandar (UTC) dikategorikan sebagai pelaburan hartanah. Berdasarkan senarai geran kerajaan yang disediakan oleh pihak PKENPs, jumlah penerimaan geran bagi projek Pusat Transformasi Bandar (UTC) berjumlah RM35.97 juta adalah termasuk agihan peruntukan bagi kos peralatan khas agensi bernilai RM2.47 juta. Jumlah penerimaan geran sebenar yang perlu direkod hanyalah berjumlah RM33.5 juta. Sehubungan dengan itu, pelunasan geran tahun semasa adalah berbeza dari pengiraan Audit sebanyak RM0.12 juta kerana perbezaan pihak PKENPs mengambil kira kos peralatan khas agensi yang telah dilaraskan ke akaun pendahuluan

peralatan UTC pada tahun 2017. Hal ini memberi kesan kepada amaun pelunasan geran aset menjadi terlebih nyata.

iii. Geran Kerajaan Tertunda

- Empat (4) geran kerajaan tertunda tidak mengalami sebarang perubahan pada tahun kewangan 2018 dan pihak PKENPs tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan berkaitan geran kerajaan tersebut berjumlah RM0.63 juta. Berikut merupakan senarai geran yang diterima daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
SENARAI GERAN YANG DITERIMA DARIPADA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

BIL.	NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM Juta)
1.	Peruntukan Program Penjaja dan Peniaga Kecil (SDSI)	0.29
2.	Peruntukan Program Perintis Usahawan	0.08
3.	Peruntukan Technopreneur Academy Programme	0.25
4.	Program Transformasi Usahawan	0.01
JUMLAH		0.63

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

- Menurut pihak PKENPs, peruntukan ini telah lama disalurkan dan program-program di atas sudah tidak lagi dijalankan memandangkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi selaku pihak yang menyalurkan peruntukan ini telah dimansuhkan.

b. MPK - Pelunasan Geran Tertunda

- Jumlah geran tertunda telah dilunaskan dalam tahun semasa meliputi geran-geran berikut seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PELUNASAN GERAN TERTUNDA

Bil.	BUTIRAN	GERAN DITERIMA DALAM TAHUN TERDAHULU (RM Juta)	GERAN DITERIMA DALAM TAHUN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH GERAN DILUNASKAN (RM Juta)
1.	Projek Persekutuan	0.88	0.31	1.19
2.	MARRIS	-	0.66	0.66
3.	Program Pembasmian Kemiskinan	0.07	0.56	0.63
JUMLAH		0.95	1.53	2.48

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

- ii. Pelunasan geran di atas tidak direkod sebagai pendapatan ke dalam penyata kewangan semasa dan pembayaran tidak diiktiraf di dalam perbelanjaan. Pelunasan geran tertunda ini tidak diakaunkan mengikut kehendak piawaian MPSAS 23.

8.2. Pinjaman diterima

Pengauditan pematuhan terhadap pinjaman diterima adalah bagi memastikan Agensi mempunyai kuasa meminjam mengikut Akta/Enakmen, perjanjian disediakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan nilai pinjaman serta bayaran balik pinjaman diakaunkan dengan tepat. Berikut adalah penemuan berkaitan pinjaman diterima:

8.2.1. PKENPs - Pinjaman Matang dalam Tempoh 12 Bulan

- a. Pinjaman matang dalam tempoh 12 bulan yang dinyatakan dalam penyata kewangan PKENPs bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah termasuk pokok dan faedah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
PINJAMAN MATANG DALAM TEMPOH 12 BULAN

BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
Pinjaman yang matang belum dibayar (pokok + faedah)	88.20
Pinjaman matang pada tahun 2019 (pokok)	2.91
Pinjaman matang dalam tempoh 12 bulan	91.11

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

- b. Namun begitu, pihak PKENPs tidak menyatakan nota mengenai tunggakan pinjaman matang yang belum dibayar seperti piawaian MPERS Seksyen 11.47 dalam penyata kewangan. Selain itu, terdapat perbezaan bagi jumlah pinjaman matang dalam tempoh 12 bulan sejumlah RM0.43 juta. Perbezaan tersebut adalah disebabkan perbezaan tempoh matang pinjaman kerajaan bagi projek IKS Padang Besar - 2700/2015/002. Perbezaan pengiraan jumlah pinjaman matang dalam tempoh 12 bulan adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
**PERBEZAAN PENGIRAAN JUMLAH PINJAMAN
MATANG DALAM TEMPOH 12 BULAN**

BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
Seperti pengiraan Audit	91.11
Seperti di lejar am	91.54
PERBEZAAN	-0.43

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

8.2.2. YIPs - Terlebih Nyata Prinsipal Pinjaman Keperluan Modal Kerja

Pihak YIPs telah tersalah rekod bayaran faedah ke akaun prinsipal dan sebaliknya bagi pembiayaan keperluan modal kerja. Ini menyebabkan pihak Yayasan telah terlebih catat baki pinjaman dan faedah bagi pinjaman pembiayaan keperluan modal kerja sejumlah RM0.11 juta. Perbezaan rekod pinjaman pembiayaan keperluan modal kerja adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERBEZAAN REKOD PINJAMAN PEMBIAYAAN KEPERLUAN MODAL KERJA

BUTIRAN	PRINSIPAL (RM Juta)
Seperti di penyata pinjaman bank	0.29
Seperti di lejar am	0.18
JUMLAH	0.11

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

8.3. Cukai Taksiran

Cukai Taksiran merupakan hasil utama bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia. Sehubungan itu, pengauditan terhadap Cukai Taksiran adalah bertujuan untuk memastikan prestasi kutipan mencapai sasaran di samping memperkasakan penguatkuasaan terhadap tunggakan penghutang cukai taksiran. Berikut adalah penemuan Audit terhadap Majlis Perbandaran Kangar:

8.3.1. Hasil – Cukai Taksiran

Pihak Audit tidak dapat menjalankan analisis peningkatan hasil cukai taksiran bagi tahun 2018. Ini disebabkan berdasarkan penyata kewangan, berlaku penurunan hasil sebanyak RM0.25 juta berbanding tahun 2017. Bagaimanapun, Laporan Ringkas Cukai Taksir yang diberikan menunjukkan terdapat pertambahan jumlah pegangan sebanyak 503 unit dalam tahun 2018. Lazimnya, apabila berlaku penambahan dalam jumlah pegangan, jumlah hasil cukai taksiran tahunan akan turut meningkat. Sebaliknya, penyata prestasi kewangan MPK menunjukkan penurunan jumlah pendapatan cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Prestasi pendapatan cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PRESTASI PENDAPATAN CUKAI TAKSIRAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Hasil cukai taksiran	14.89	15.14	-0.25
	Unit	Unit	Unit
Jumlah pegangan	32,239	31,736	503

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

8.3.2. Akaun Belum Terima – Urusniaga Bukan Pertukaran

a. Perbezaan Amaun di Penyata Kewangan dan Senarai yang Dihasilkan oleh Sistem

Terdapat perbezaan berjumlah RM0.04 juta antara penyata kewangan dan senarai penghutang sewaan yang dihasilkan oleh sistem e-PBT seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
AKAUN BELUM TERIMA – URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

BUTIRAN	SEPerti DI PENYATA KEWANGAN (RM Juta)	SEPerti DI SENARAI PEMILIK BERHUTANG (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Akaun Belum Terima – Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai Taksiran)	18.28	18.32	-0.04

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

b. Tunggakan Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima

Terdapat peningkatan dalam Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima berjumlah RM20.01 juta pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 iaitu berjumlah RM17.99 juta. Namun tiada sebarang peruntukan hutang ragu dibuat walaupun cukai taksiran semakin bertambah setiap tahun. Perkara ini bertentangan dengan MPSAS 29 yang menghendaki peruntukan rosotnilai perlu dibuat bagi hutang yang tertunggak yang berkemungkinan tidak dapat dikutip semula. Selain itu, analisa pengumuman tidak dibuat oleh MPK bagi membuat penelitian dan pemantauan terhadap penghutang yang tertunggak.

c. Penghutang Cukai Taksiran

Jumlah tunggakan tertinggi daripada senarai Penghutang Cukai Taksiran adalah PKENPs iaitu berjumlah RM3.57 juta. Bagaimanapun, tiada tindakan tegas dibuat bagi memastikan kutipan tunggakan diperoleh semula.

8.4. Agihan Zakat

Salah satu peranan dan fungsi MAIPs sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis adalah menguruskan kutipan dan agihan harta wakaf dan harta Baitulmal. Sehubungan itu, objektif pengauditan terhadap pengurusan agihan zakat adalah untuk memperkemas sistem kawalan dalaman agihan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin bagi memastikan agihan zakat dapat diberikan secara menyeluruh kepada golongan sasaran yang sepatutnya. Berikut adalah penemuan berkaitan agihan zakat di MAIPs:

8.4.1. Keraguan Terhadap Penerima Bantuan Bulanan

Sebanyak 11 daripada 50 sampel penerima yang dipilih daripada 3 baucar bayaran telah meninggal dunia manakala data bagi 12 penerima lain tidak terdapat dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara. Bantuan bulanan yang diberikan kepada 11 penerima yang telah meninggal dunia adalah berjumlah RM2,300. Semakan lanjut Audit mendapati

11 penerima bantuan telah meninggal dunia

Sampel baucar bayaran tahun 2018

Sumber dari rekod Jabatan Pendaftaran Negara

penerima yang sama telah diberi bantuan sepanjang tahun 2018 berjumlah RM27,800. Pihak MAIP disarankan membuat pemurnian data bagi setiap data pemohon yang diterima dengan Jabatan Pendaftaran atau agensi-agensi kerajaan lain untuk memastikan kewujudan penerima bantuan dan agihan zakat dilaksanakan dengan betul dan teratur. Selain itu, MAIPs turut disaran untuk mengemas kini status penerima dan membuat semakan terhadap penerima yang mewakilkan waris bagi pihaknya untuk satu tempoh yang lama.

8.4.2. Pengurusan Zakat Ta'awun

Berdasarkan Garis Panduan Agihan Zakat MAIPs, objektif Zakat Ta'awun adalah untuk memberi agihan Ta'awun kepada pihak institusi atau organisasi yang mengendalikan program agihan pusat pengajian atau aktiviti yang melibatkan empat (4) golongan asnaf iaitu Fakir, Miskin, Riqab dan Fi Sabilillah. Konsep agihan Zakat Ta'awun dibuat secara kaedah sama rata antara agen yang berdaftar dengan MAIPs untuk diagihkan terus kepada kumpulan asnaf yang telah ditetapkan. Antara isu berkaitan Pengurusan Zakat Ta'awun adalah seperti berikut:

- a. Bagi Zakat Ta'awun yang dibayar kepada Pertubuhan IKRAM Malaysia, Daerah Hulu Selangor melalui empat (4) baucar bayaran, adalah didapati dokumen sokongan yang dilampirkan berbeza dengan penyata potongan gaji bagi menyokong amaun di baucar bayaran.

- b. Tiada laporan pengagihan diterima daripada semua agen Zakat Ta'awun tersebut kecuali daripada IKRAM Daerah Hulu Selangor yang merupakan agen Ta'awun yang paling banyak membuat kutipan zakat dan menerima agihan zakat.
- c. Menurut Laporan Kutipan Zakat Ta'awun yang dijana daripada SPMB sehingga 31 Disember 2018, jumlah kutipan zakat yang dibuat oleh IKRAM Daerah Hulu Selangor adalah sebanyak RM157.33 juta dan telah menerima agihan semula sebanyak RM78.49 juta daripada MAIPs. Bagaimanapun, laporan aktiviti agihan sepanjang tahun 2018 yang diterima daripada IKRAM Daerah Hulu Selangor hanya melaporkan agihan berjumlah RM40.06 juta manakala baki berjumlah RM38.43 juta tidak dapat disahkan pengagihannya.
- d. Secara keseluruhannya, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada agihan Ta'awun oleh agen berdaftar kepada asnaf telah dibuat dengan betul. Ini adalah kerana MAIPs tidak pernah menerima sebarang bentuk laporan aktiviti daripada semua agen dan pemantauan yang dilaksanakan tidak dibuat secara menyeluruh.

Pihak Audit berpendapat, MAIPs perlu merangka kaedah pemantauan yang berkesan dalam menyelia dan memantau aktiviti agihan zakat yang dibuat oleh semua agen kutipan Ta'awun bagi mengelakkan berlakunya *fraud* atau penipuan.

8.4.3. Pendapatan dan Agihan Zakat

- a. Sumber pendapatan utama MAIPs adalah kutipan zakat yang terdiri daripada Zakat Padi, Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Selain itu, MAIPs juga mempunyai pendapatan lain yang terdiri daripada keuntungan simpanan semasa, keuntungan simpanan tetap, keuntungan pelaburan, pelbagai pendapatan, sewa tanah dan sewa premis.
- b. Trend agihan bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2014 hingga 2018 di MAIPs menunjukkan agihan pendapatan zakat tahunan hanya antara 60-65% sahaja. Lebihan pendapatan zakat dan fitrah setiap tahun akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah. Sehingga akhir tahun 2018, jumlah lebihan pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah mencecah RM590 juta.

Lebihan pendapatan terkumpul zakat pada 31 Disember 2018

RM590 juta

RM326.24 juta kutipan zakat MAIPs pada tahun 2018

RM208.58 juta sahaja diagihkan dalam tahun 2018.

- c. Berdasarkan peningkatan kutipan zakat dan agihan khas yang diterima, pihak Audit berpendapat, MAIPs perlu meningkatkan program dan aktiviti pengagihan zakat kepada golongan asnaf yang terlibat dengan lebih komprehensif dan bersepadu. Perkara ini perlu bagi memastikan pengagihan zakat dapat dibuat secara menyeluruh dan selari dengan pendapatan zakat yang diterima serta boleh mengelakkan keciciran penerima yang layak untuk menerima bantuan zakat. Sekiranya pihak MAIPs masih mengekalkan konsep agihan yang sama, lebih pendapatan zakat akan bertambah dari tahun ke tahun dan objektif agihan zakat MAIPs tidak akan tercapai.

8.4.4. Had Kifayah yang Dibenarkan di MAIPs

- a. Haddul Kifayah merupakan kadar asas keperluan diri dan tanggungan minimum yang menentukan tahap kelayakan penerima zakat dengan mengambil kira perbezaan tempat, masa, keperluan dan keadaan sosio-ekonomi. Berdasarkan Buku Panduan Agihan Zakat MAIPs yang diluluskan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada tahun 2014, kadar Haddul Kifayah perlu dikaji semula bagi setiap lima (5) tahun. Hasil semakan mendapati jumlah agihan yang layak diberikan kepada seseorang asnaf adalah ditentukan mengikut budi bicara Pegawai Penyelaras Zakat berdasarkan siasatan yang dibuat sebelum membuat cadangan jumlah yang layak untuk kelulusan pembayaran.
- b. Sebanyak 26 daripada 27 sampel bayaran bantuan sara hidup yang diberikan tidak mengikut Matriks Agihan seperti yang dinyatakan pada borang permohonan bantuan zakat. Kesemua perbezaan agihan ini tidak dinyatakan justifikasi pemberian dalam borang permohonan. Malahan, MAIPs tidak pernah membuat kajian semula mengenai had kifayah dan jumlah bantuan agihan kepada asnaf sejak tahun 2014.

8.5. Pelaburan

Secara umumnya, sesuatu pelaburan dilakukan adalah bertujuan untuk menambahkan atau mengembangkan nilai modal perniagaan. Antara pelaburan yang diceburi oleh Agensi Negeri Perlis ialah pelaburan hartanah, pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan dalam syarikat usahasama dan pelaburan dalam aset kewangan lain. Pengauditan dalam bidang pelaburan tertumpu kepada prosedur pelaksanaan serta kaedah perakaunan yang betul dijalankan di Agensi. Berikut adalah penemuan berkaitan pelaburan di Agensi Negeri Perlis:

8.5.1. PKENPs

- a. Peruntukan rosot nilai tidak dibuat bagi nilai bersih pelaburan yang berjumlah RM5.37 juta dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu yang tidak aktif, syarikat telah dibubarkan dan dalam proses penggulungan serta pelaburan lain.
- b. Peruntukan rosot nilai bagi pelaburan syer harga Land & General Berhad telah terlebih nyata sebanyak RM0.61 juta.

8.5.2. MPK

Pelaburan dalam Syarikat Usahasama iaitu Syarikat Bakau Jaya Development tidak diakaunkan mengikut kehendak MPSAS 7 "Investment in Associates" di mana ia seharusnya diakaunkan secara kaedah ekuiti.

8.5.3. MAIPs

a. Pelaburan Lain : Pelaburan dalam Syer Syer Harga (Kumpulan Wang Sumber Am)

- i. Pelaburan dalam Syer Syer Harga menggunakan sumber daripada Kumpulan Wang Sumber Am yang terdiri daripada pendapatan harta pesaka, jualan dan pampasan tanah, wang tak patuh syarak, sewaan tanah dan premis perniagaan serta keuntungan daripada pelaburan.
- ii. MAIPs membuat pelaburan dalam dua (2) pelaburan syer syer harga menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Sumber Am iaitu CIMB Islamic DALI *Equity Growth Fund* (DALI) dan CIMB Islamic DALI *Asia Pacific Equity Growth Fund* (IEF) dengan nilai harga pasaran pada awal tahun 2018 berjumlah RM1.35 juta. Bagaimanapun, kedua-dua pelaburan ini telah mengalami rosot nilai harga pasaran berjumlah RM0.21 juta pada akhir tahun 2018. Walaupun pendapatan Kumpulan Wang Sumber Am tidak menggunakan wang zakat, MAIPs disaran agar membuat pelaburan yang berisiko rendah bagi mengelakkan kerugian.

b. Pelaburan dalam Pajak Gadai Islam – RM1.36 juta

Pelaburan dalam Pajak Gadai Islam sejumlah RM1.36 juta masih dinyatakan dalam Penyata Kewangan MAIPs tahun 2018 dan berdasarkan semakan tiada pergerakan dalam pelaburan yang menunjukkan keuntungan atau kerugian

dalam pelaburan sejak dari tahun 2011. Pihak Audit telah menerima pengesahan pihak ketiga berkenaan pelaburan MAIPs dalam Ar Rahnun Pajak Gadai Islam daripada Pajak Gadai Islam pada 23 Mei 2019. Pihak ketiga tersebut menyatakan bahawa tiada baki pinjaman dalam akaun Ar Rahnun Pajak Gadai Islam sebanyak RM1.36 juta seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan MAIPs bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

9. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kesemua lapan (8) penyata kewangan Agensi telah disemak dan disahkan. Sebanyak empat (4) penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala baki empat (4) penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Berteguran. Prestasi kewangan agensi negeri pada tahun 2018 adalah baik manakala prestasi kewangan PBT adalah kurang memuaskan seperti butiran berikut:

9.1. empat (4) agensi negeri dan satu MAI mencatatkan lebih dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018 yang keseluruhannya berjumlah RM219.29 juta;

9.2. MAIPs mencatatkan lebih yang tertinggi berjumlah RM211.12 juta manakala PKENPs berjumlah RM9.98 juta dan MSNPs berjumlah RM0.25 juta;

9.3. MAIPs mencatatkan Aset Semasa Bersih yang tertinggi iaitu berjumlah RM536.77 juta, diikuti dengan YIPs berjumlah RM10.72 juta dan Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis berjumlah RM7.11 juta;

9.4. MPK mencatatkan defisit dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018 berjumlah RM1.16 juta manakala Aset Bersih Semasa berjumlah RM10.48 juta. Tunggakan Cukai Taksiran adalah berjumlah RM18.28 juta; dan

9.5. pada tahun kewangan 2018, pengauditan penyata kewangan Agensi di Negeri Perlis tertumpu kepada pengauditan mengikut bidang utama audit (*key audit areas*) yang telah dilaksanakan seperti penyaluran dan penggunaan geran pembangunan, pinjaman diterima, cukai taksiran, agihan zakat, pelaburan dan pinjaman diberi.

10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan yang memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

10.3. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan;

10.4. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan;

10.5. agensi negeri yang menerima Laporan Ketua Audit Negara Berteguran perlu mengambil tindakan untuk memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang;

10.6. PKENPs dan YIPs hendaklah berusaha meningkatkan prestasi kewangannya bagi meningkatkan pendapatan dan sekaligus melunaskan tunggakan bayaran balik pinjaman; dan

10.7. MPK hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk memungut tunggakan Cukai Taksiran dengan menggunakan peruntukan yang disediakan melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

BAHAGIAN IV

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107 (2), Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Tahun 2016, berserta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 24 Julai 2018. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Tahun 2017 Siri 1 telah dibentangkan pada 11 Disember 2018. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Tahun 2017 pula telah dibentangkan pada 16 April 2019.

8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh tahun 2018 hingga 31 Julai 2019, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali iaitu pada 3 April 2018, 4 April 2018, 21 September 2018 dan 14 Jun 2019. Laporan Jawatankuasa yang telah diadakan pada tahun 2018 ini kemudiannya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 11 Disember 2018. Perkara yang dibincangkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
1.	03 April 2018	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis	LKAN Tahun 2016 Siri 1: • Pengurusan Pemberian Bantuan Am dan Bantuan Membaiki Rumah
		Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	LKAN Tahun 2016 Siri 1: • Pengurusan Agihan Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah Kepada Asnaf

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
2.	04 April 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 1: • Pengurusan Syarikat Perlis Marine Engineering Sdn. Bhd.	• Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
3.	21 September 2018	LKAN Tahun 2016 Siri 2: • Pengurusan Pemuliharaan Sungai-Sungai	• Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis
4.	14 Jun 2019	LKAN Tahun 2017 Siri 1: • Pengurusan Hartanah Yayasan Islam Perlis	• Yayasan Islam Perlis

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis bagi tahun 2018 adalah baik. Bagaimanapun, kedudukan kewangan kerajaan negeri pada 31 Disember 2018 adalah kurang stabil berbanding tahun sebelumnya. Prestasi kewangan agensi negeri adalah baik manakala prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan memuaskan. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 pada tahun 2018 adalah amat baik kerana 94.9% projek telah siap dilaksanakan dan mengikut jadual. Prestasi kewangan kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan adalah disyorkan langkah penambahbaikan diambil seperti berikut:

- a. Kerajaan Negeri disaran meneruskan usaha mengamalkan perbelanjaan secara berhemat, mengurangkan tunggakan hasil/Pinjaman Boleh Dituntut dan membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan supaya kedudukan kewangan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- b. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan. Sistem semak dan imbang perlu diwujudkan, mengadakan pemantauan secara berterusan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala terhadap kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat.
- c. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD) dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya. Selain itu, UAD perlu menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. Penilaian UAD hendaklah dibuat secara objektif dan bebas, bukan sahaja berkaitan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
21 Oktober 2019**

LAMPIRAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 16.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perlis dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perlis.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perlis sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Perlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
26 APRIL 2019





**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018.

NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB
Pegawai Kewangan Negeri Perlis
15 Januari 2019

SITI MARIAN BT. MAT NOH C.A.(M)
Bendahari Negeri Perlis
15 Januari 2019

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	22,202,501.85	35,981,711.70
PELABURAN	4	0.00	0.00
		22,202,501.85	35,981,711.70
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(453,623,944.95)	(438,217,430.40)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	475,826,446.80	474,199,142.10
		22,202,501.85	35,981,711.70

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018		2017	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		18,628,060.95		18,819,797.55	
Hasil Bukan Cukai		18,559,199.89		21,766,066.83	
Terimaan Bukan Hasil		90,898,083.08	128,085,343.92	68,074,617.96	108,660,482.14
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		11,376,718.31	11,376,718.31	0.00	0.00
Terimaan Modal	7				
Pelbagai Terimaan Modal		0.00		0.00	
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	0.00	400.00	400.00
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		614,422,664.64	614,422,664.64	504,958,806.85	504,958,806.85
JUMLAH TERIMAAN			753,884,726.87		613,619,688.99
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		(50,002,881.15)		(47,209,327.85)	
Perkhidmatan Dan Bekalan		(65,515,198.83)		(63,432,346.56)	
Aset		(1,665,399.68)		(2,547,953.67)	
Pembelian & Kenaan Bayaran Tetap		(25,373,276.85)		(25,810,713.56)	
Perbelanjaan Lain		(935,101.96)	(143,491,858.47)	(891,980.08)	(139,892,321.72)
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		(32,647,625.91)		(31,682,175.38)	
Pinjaman		(9,915,150.53)	(42,562,776.44)	(4,059,019.16)	(35,741,194.54)
Perbelanjaan Modal	7				
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan		0.00	0.00	(400.00)	(400.00)
Bayaran Balik Pinjaman	6				
Pinjaman Dalam Negeri		0.00		0.00	
Pindahan Kepada KW Pembangunan		(11,376,718.31)	(11,376,718.31)	0.00	0.00
Bayaran Lain	7				
Bayaran Amanah		(570,232,583.50)	(570,232,583.50)	(421,589,765.22)	(421,589,765.22)
JUMLAH BAYARAN			(767,663,936.72)		(597,223,681.48)
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(13,779,209.85)		16,396,007.51
Wang Tunai Pada 1 Januari			35,981,711.70		19,585,704.19
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			22,202,501.85		35,981,711.70

Lampiran V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018		2017
		Anggaran RM	Sebenar RM	Sebenar RM
HASIL	5	103,043,330.00	128,085,343.92	108,660,482.14
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus	5	152,513,665.00	143,491,858.47	139,892,321.72
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(49,470,335.00)	(15,406,514.55)	(31,231,839.58)
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7	44,054,640.00	42,562,776.44	35,741,194.54
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(93,524,975.00)	(57,969,290.99)	(66,973,034.12)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		11,376,718.31	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		39,281,610.23	26,330,619.45
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		7,310,962.45	40,642,414.67
JUMLAH PEMBIAYAAN			57,969,290.99	66,973,034.12

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Diuntut		109,717,237.02	110,142,039.62
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Kerajaan Negeri		403,327,888.66	392,330,873.31

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember 2018, boleh dibayar dalam bulan Januari tahun 2019 dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember 2018 tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas (12) bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :-

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Akaun Memorandum
- Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3, *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2018 (RM)	2017 (RM)
Wang Tunai Dalam Bank	22,165,651.85	35,944,561.70
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Wang Tunai Dalam Tangan	36,600.00	36,600.00
JUMLAH WANG TUNAI	22,202,251.85	35,981,161.70

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Pada 31 Disember 2018 tiada pelaburan dilaporkan kerana Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pelaburan sepanjang tahun 2018.

<i>Perihal</i>	2018 Nilai Buku		2017 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH PELABURAN	0.00		0.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran RM	2018		2017	
		Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		(438,217,430.40)		(400,965,590.82)	
HASIL					
Hasil Cukai	19,300,010.00	19,626,060.95	96.52	16,819,797.55	111.10
Hasil Bukan Cukai	23,594,560.00	18,559,198.69	78.69	21,766,066.03	94.77
Terimaan Bukan Hasil	60,156,760.00	90,696,063.05	151.10	66,074,617.96	176.00
Jumlah Hasil	103,043,330.00	128,885,343.92	124.30	108,660,482.14	133.68
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	54,332,320.00	50,002,061.15	92.03	47,209,327.65	86.13
Perkhidmatan dan Bekalan	69,056,563.00	65,510,190.63	94.87	63,432,346.50	94.42
Aset	1,996,494.00	1,065,399.68	53.42	2,547,953.67	76.06
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	26,183,646.00	25,373,276.65	96.91	25,810,713.56	98.35
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	942,620.00	935,101.98	99.20	691,960.00	94.67
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	152,513,665.00	143,491,858.47	94.08	139,892,321.72	85.42
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	152,513,665.00	143,491,858.47	94.08	139,892,321.72	85.42
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		(15,406,514.55)		(31,231,839.58)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(453,623,944.95)		(438,217,430.40)	

Nota : (**) - Termasuk bayaran balik pinjaman kerajaan persekutuan

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018				2017	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	16,902,410.00	16,902,410.00	16,432,566.40	97.22	16,656,343.01	116.46
Cukai Perit Dan Tallair	567,590.00	567,590.00	776,476.40	132.49	746,763.80	131.01
Cukai Keluaran Hutan	1,610,000.00	1,610,000.00	1,416,996.15	75.29	1,415,323.59	80.71
Duti Kastam - Eksport	0.00	0.00	0.00	0.00	1,347.05	1.34
Cukai Hiburan	10.00	10.00	0.00	0.00	0.00	-
Jumlah Hasil Cukai	19,300,010.00	19,300,010.00	18,628,060.95	96.52	18,819,797.55	111.10
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	7,169,990.00	7,169,990.00	6,635,959.46	95.06	6,639,255.20	91.66
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,454,610.00	1,454,610.00	1,410,476.16	96.95	1,594,515.62	97.76
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	9,430,120.00	9,430,120.00	7,504,452.16	79.56	9,133,766.44	81.51
Sewaan	4,724,520.00	4,724,520.00	1,265,544.50	26.79	3,009,226.56	60.93
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	561,060.00	561,060.00	960,956.23	165.37	609,666.03	104.86
Denda dan Hukuman	204,040.00	204,040.00	561,607.36	265.14	679,114.56	430.65
Jumlah Hasil Bukan Cukai	23,584,560.00	23,584,560.00	18,559,199.89	78.69	21,766,066.63	84.77
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Pembiayaan	27,690.00	27,690.00	6,459,114.79	30,549.35	2,075,321.15	7,464.04
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	60,131,070.00	60,131,070.00	62,436,966.28	137.10	65,999,296.61	170.76
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	60,158,760.00	60,158,760.00	68,896,083.08	151.10	68,074,617.96	176.00
JUMLAH HASIL	103,043,330.00	103,043,330.00	128,085,343.92	124.30	108,660,482.14	133.68

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolument, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan akan dibentangkan di sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri bulan Mac - April 2019 selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2018			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	3,609,930.00	4,195,215.00	4,053,923.04	96.63
T02 Pejabat DYTM Raja Muda	991,090.00	991,090.00	952,055.36	95.92
T03 Pengetua Dewan	199,390.00	199,390.00	199,356.00	99.99
T04 Perbendaharaan Negeri Perlis	10,000,020.00	500,020.00	496,736.46	99.34
T05 Pampasan	10.00	10.00	0.00	0.00
T06 Perbendaharaan Negeri Perlis	7,416,000.00	9,077,500.00	9,062,618.16	99.64
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	22,417,040.00	14,963,825.00	14,664,689.02	98.00
PERBELANJAAN BEKALAN				
B01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	3,965,130.00	3,965,130.00	3,419,612.94	86.24
B02 Dewan Negeri	2,366,390.00	2,366,390.00	2,065,363.33	86.13
B04 Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	41,645,930.00	41,645,930.00	40,429,170.40	97.06
B05 Pelbagai Perkhidmatan	9,665,070.00	9,665,070.00	8,196,625.17	84.82
B06 Perbendaharaan Negeri Perlis	3,003,400.00	2,608,400.00	2,426,564.59	80.42
B07 Perbendaharaan Negeri (Caruman)	12,486,730.00	746,730.00	666,750.00	88.96
B09 Jabatan Kerja Raya	23,546,170.00	23,258,170.00	21,715,990.32	93.37
B11 Jabatan Pertanian	7,064,110.00	7,064,110.00	6,232,715.92	87.96
B12 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4,107,460.00	3,909,370.00	3,525,805.20	90.19
B13 Jabatan Pengairan Dan Saliran	12,996,260.00	11,946,200.00	11,372,601.06	95.20
B14 Jabatan Perancang Bandar	967,400.00	967,400.00	909,241.61	93.96
B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat	10,113,100.00	9,113,100.00	8,569,166.16	93.92
B16 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	3,423,560.00	3,423,560.00	3,084,630.37	90.14
B17 Pejabat Mufti	1,482,000.00	1,482,000.00	1,341,336.24	90.51
B18 Pejabat Mahkamah Syariah	2,004,600.00	2,004,600.00	1,910,466.46	95.30
B19 Pejabat Pembangunan Negeri	561,600.00	561,600.00	540,019.02	96.32
B23 Jabatan Perhutanan	4,566,900.00	4,566,900.00	4,167,766.30	91.26
B25 Jabatan Tanah Dan Galian	6,594,950.00	6,594,950.00	6,230,766.14	94.48
B57 Membeli Tanah	10.00	10.00	0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	152,612,950.00	137,549,840.00	128,827,169.45	93.66
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	175,029,990.00	152,513,665.00	143,491,858.47	94.08
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			0.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			143,491,858.47	

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaakunkan semua pinjaman yang diterima di bawah kuasa undang-undang Persekutuan dan Negeri serta pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Yang Lain yang dibenarkan oleh Dewan Undangan Negeri bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 (Debit)/Kredit RM	2017 (Debit)/Kredit RM
Pinjaman Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	11,376,718.31	0.00
+ Bayaran	11,376,718.31	0.00
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2018	0.00	0.00

Nota : (*) - Jumlah bayaran adalah pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengaakun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 01.01.2018 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki pada 31.12.2018 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	3,533,794.37	42,562,770.44	50,656,326.54	11,629,336.47
Kumpulan Wang Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	385,323,792.26	495,065,133.93	477,403,306.50	364,642,044.83
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	388,857,576.63	540,647,910.37	528,061,715.04	376,271,381.30
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	42,676,420.11	54,566,915.22	47,965,998.79	36,073,503.68
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	42,676,420.11	54,566,915.22	47,965,998.79	36,073,503.68
AKAUN DEPOSIT				
Akaun Wang Deposit	42,665,145.36	18,946,297.98	39,762,714.44	63,481,561.82
Jumlah Akaun Deposit	42,665,145.36	18,946,297.98	39,762,714.44	63,481,561.82
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	474,199,142.10	614,163,123.57	615,790,428.27	475,826,446.80

(a) **Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) **Kumpulan Wang Pembangunan**

Mengaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, Pemberian TAHAP, Pemberian Pertambahan Hasil, Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Kos Rendah.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 (Debit)/Kredit RM	2017 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	3,533,784.37	12,944,359.46
TERIMAAN		
Pindahan		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	0.00	0.00
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	11,376,718.31	0.00
Jumlah Pindahan	11,376,718.31	0.00
Pelbagai Terimaan Lain		
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	23,313,000.00	23,313,000.00
Ansuran Perumahan Awam	437,192.19	1,064,009.43
Jualan Perumahan Kos Rendah	900,640.04	1,951,000.00
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	14,630,775.00	0.00
Jualan Aset Modal	0.00	0.00
Pelbagai Terimaan	0.00	1,900.00
Pelarasan	0.00	0.00
Jumlah Pelbagai Terimaan Lain	39,281,610.23	26,330,619.43
Jumlah Terimaan	50,658,328.54	26,330,619.43
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	32,647,620.91	31,662,179.36
Pinjaman	9,915,150.53	4,069,018.16
Jumlah Bayaran	42,562,776.44	35,741,194.54
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	<i>6,095,552.10</i>	<i>(6,410,575.09)</i>
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER 2018	11,629,336.47	3,533,784.37

(ii) **Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air**

Diwujudkan di bawah Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Perlis bagi menyediakan bekalan air bersih ke seluruh Negeri Perlis. Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman.

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air tidak mencatatkan sebarang urusniaga dalam tahun 2015 hingga 2018 disebabkan Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) telah dikorporatkan menjadi Syarikat Air Perlis (SAP) pada 1 Januari 2015. Akaun ini telah ditutup pada tahun 2016 dengan memindahkan semua baki yang ada ke Akaun Hasil Disatukan.

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	0.00
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	0.00	0.00
Pelbagai Terimaan	0.00	0.00
Jumlah Terimaan	0.00	0.00
BAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus	0.00	0.00
Perbelanjaan Pembangunan	0.00	0.00
Langsung	0.00	0.00
Pinjaman	0.00	0.00
Jumlah Bayaran	0.00	0.00
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH BEKALAN AIR PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00

(iii) **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM (Dibulatkan kepada)
AKAUN PENYELESAIAN		
L1311812 - Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan	222,413,500.00	243,116,200.00
L1311909 - Hasil Persekutuan - Bayaran Ukur	0.00	4,976.00
L1311910 - Hasil Persekutuan - Tanah Sempadan	0.00	2,265.00
L1312904 - Penerimaan Borang / Penerimaan Invois	0.00	0.00
L1312908 - Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	0.00	655,431.76
L1312910 - Akaun Penyelesaian Bank	0.00	0.00
L1312914 - Akaun Penyelesaian Mekanisma Penggenapan Duit Syiling	(1.22)	(0.25)
L1312915 - Akaun Penyelesaian (Akaun Kawalan)	29,253.92	29,253.92
L1319205 - Pembatalan EFT	0.00	2,744,640.30
Jumlah Akaun Penyelesaian	222,442,832.70	246,752,767.41
AKAUN PINJAMAN		
E0212102 - Pinjaman Komputer	475,196.79	465,016.16
E0212103 - Pinjaman Diraja	670,000.00	670,000.00
E0212104 - Pendahuluan Membeli Kenderaan Jabatan	450,000.00	450,000.00
E0212107 - Pinjaman Perumahan Adun	2,031,712.41	1,991,407.24
E0212110 - Pendahuluan Membeli Kenderaan Adun	520,000.00	520,000.00
E0212201 - Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain	4,332,690.55	4,332,690.55
E0213301 - Pendahuluan Dini Pegawai Awam	1,000,000.00	1,000,000.00
E0213302 - Pendahuluan Pelbagai	200,000.00	200,000.00
Jumlah Akaun Pinjaman	9,682,799.75	9,649,313.95
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
E0211951 - Kumpulan Wang Luar Jangka	500,000.00	500,000.00
Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka	500,000.00	500,000.00
PELBAGAI KUMPULAN WANG		
E0211204 - Kumpulan Wang Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah	15,000,000.00	15,000,000.00
E0211601 - Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutari	330,505.41	317,253.81
E0214401 - Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri	116,665,606.97	113,104,450.09
Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang	132,016,412.38	128,421,710.90
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	364,642,044.83	385,323,792.26

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaakun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matang bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 RM	2017 RM (Dinyatakan secara)
004000 - Perbendaharaan Negeri	557,775.92	600,146.02
005000 - Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	18,236,132.67	25,369,460.05
009000 - Jabatan Kerja Raya	2,304.70	2,304.70
012000 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2,109,443.57	2,114,713.57
015000 - Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.00	0.00
016000 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	3,553,404.57	2,806,376.41
017000 - Jabatan Mufti	47,946.36	76,947.71
018000 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	261,426.89	245,308.33
025000 - Jabatan Tanah Dan Galian	11,304,866.70	71,461,003.32
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	36,073,503.68	42,676,426.11

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

Akaun Deposit yang matang bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018 (Debit)/Kredit RM	2017 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM		
Kawalan Wang Tak Dituntut		
L1111101 - Deposit Am Jabatan Negeri	4,731,043.06	11,047,165.76
L1111102 - Deposit Tender	0.00	0.00
L1111103 - Deposit Cagaran	23,496,441.37	60,000.00
L1111105 - Deposit Cagaran Sewa Bangunan/Geral/Kedai	2,000.00	0.00
L1111107 - Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	5,124,015.32	4,697,770.23
L1111108 - Deposit Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan	43,227.71	46,302.11
L1111115 - Deposit Cagaran Bekalan Air	4,620,264.52	4,620,264.52
L1111117 - Deposit Cagaran Pelbagai	0.00	0.00
L1112103 - Deposit Mahkamah Tinggi/Rendah/Syariah	6,400.00	1,700.00
L1112107 - Deposit Pejabat Tanah	21,373,614.03	21,961,822.74
L1112119 - Deposit Jabatan Perhutanan Negeri	10,000.00	10,000.00
L1121101 - Deposit Pelarasan Cek Terbatal	119,426.19	0.00
L1121102 - Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	3,719,626.02	0.00
L1121107 - Deposit Terimaan Tidak Diperuntukan	33,289.60	0.00
Jumlah Deposit Am	63,481,561.82	42,665,145.36
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	63,481,561.82	42,665,145.36

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pinjaman belum selesai pada	
	2018 RM	2017 RM
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPS)	102,062,351.17	102,322,351.17
Yayasan Islam Perlis (YIPs)	1,067,109.45	1,067,109.45
Syankat Air Perlis (SAP)	3,967,776.40	6,152,579.00
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	109,717,237.02	110,142,039.62

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Hutang Awam pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Perihal	2018	2017
	RM	RM
PINJAMAN DALAM NEGERI		
Bekalan Air	155,623,767.62	155,623,767.62
Perumahan Awam Kos Rendah	67,972,227.53	67,972,227.53
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPS)	130,406,714.05	130,633,341.16
Pelbagai	29,323,159.40	18,101,517.00
JUMLAH PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	403,327,888.66	392,330,873.31

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2018 berjumlah **RM 26,538,474.91** berdasarkan rekod jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan, walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

AKRONIM

AKRONIM

ABT	Akaun Belum Terima
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AKB	Akaun Kena Bayar
AP	Arahan Perbendaharaan
BBN	Badan Berkanun Negeri
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
BPD	Bahagian Pentadbiran Daerah
DUN	Dewan Undangan Negeri
EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>
FRS	<i>Financial Reporting Standards</i>
IPSAS	<i>International Public Sector Accounting Standard</i>
ISSAI	<i>International Standards of Supreme Audit Institutions</i>
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Jawatankuasa	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPH	Jabatan Perhutanan Negeri
JPS	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
MAI	Majlis Agama Islam
MAIPs	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MARRIS	<i>Malaysian Road Record Information System</i>
MASB	<i>Malaysian Accounting Standards Board</i>
MBI	<i>Menteri Besar Incorporation</i>
MFRS	<i>Malaysian Financial Reporting Standards</i>
MPERS	<i>Malaysian Private Entity Reporting Standards</i>
MPSAS	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i>
MPK	Majlis Perbandaran Kangar
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MSNPs	Majlis Sukan Negeri Perlis
PAKR	Perumahan Awam Kos Rendah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PKENPs	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
PPN	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis

PPR	Projek Perumahan Rakyat
PSUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
PTG	Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SAP	Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.
SPMB	Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu
UAD	Unit Audit Dalam
UTC	Pusat Tranformasi Bandar
YIPs	Yayasan Islam Perlis



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 1-5,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya, Malaysia

